

1/2
Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
No. Perorangan: T0899
Tarikh: 17/8/84

POLA-POLA PEKERJAAN SAMPINGAN
DI RANCANGAN FELDA LEPAR HILIR 1,
GAMBANG - PAHANG

Oleh

Mohamad Roslan Harun
No. Matrik: 041702

1/2
Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian Yang Lain
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1984/85

1/8/85
1/9/85

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadrah Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya telah memberikan kekuatan kepada diri saya untuk menyudahkan latihan ilmiah ini. Di sini ingin saya mengambil peluang bagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada beberapa individu jua kumpulan individu yang telah banyak membantu serta memberikan kerjasama sejak awal kajian sehingga ke tahap akhir penulisan latihan ilmiah ini.

- Dr. Rokiah Talib iaitu Penyelia latihan ilmiah ini.
- Encik Hamid (Pegawai Perhubungan Awam FELDA).
- Encik Yusof (Pengurus FELDA Lepar Hilir 1), Encik Othman Mohamad, Encik Mustafa, Ustaz Yahya, Encik Nazri serta lain-lain lagi.
- Responden/Informan yang terlibat dalam kajian khususnya dan peserta rancangan Lepar Hilir 1 amnya, dan
- Puan Katijah yang sudi menaip latihan ilmiah ini.

Sekali lagi kepada kalian semua saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Semoga Allah memberkati kalian semua, Insya Allah.

SINOPSIS

Kajian ini telah dilakukan di rancangan FELDA Lepar Hilir 1, Gambang. Tujuan kajian adalah untuk melihat kegiatan serta bentuk kerja-kerja sampingan yang dibuat oleh peserta-pesertanya dalam rangka menampung kekurangan pendapatan tetap mereka.

Dalam Bab I pengkaji membuat huraian atas beberapa perkara seperti tujuan dan bidang kajian. Tumpuan juga diberikan pada memperihalkan metode-metode yang terlibat dalam proses mendapatkan data-data empirikal untuk kajian. Selain dari itu dinyatakan juga kesulitan-kesulitan yang pengkaji tempuhi dalam masa melakukan kerja lapangan.

Bab II pula menyentuh tentang latarbelakang FELDA secara umum dan juga latarbelakang tempat kajian.

Bab III menyentuh tentang latarbelakang responden/informan.

Bab IV diterangkan bentuk juga jenis-jenis kerja sampingan yang dilakukan oleh peserta-peserta rancangan Lepar Hilir 1. Pemerihalan juga dibuat ke atas sebab-sebab mengapa peserta-peserta terlibat dalam membuat kerja-kerja tersebut.

Bab V merupakan huraian ke atas implikasi/kesan yang dirujuk kepada kesan ke atas ladang, gaya hidup serta hubungan sesama peneroka dan hubungan peneroka dengan pegawai-pegawai rancangan.

Bab VI – Kesimpulan dan penutup atas jumpaan pengkaji
dan beberapa saranan.

BAB I	PENGANTAR	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Misi Pengkaji	1
	1.3 Metode Pengkaji	2
	1.3(a) Sosiodemografi	2
	1.3(b) Persepsi	3
	1.3(c) Tepian	6
	1.3(d) Permasalahan Abang Jalan Yang Berkait	7
	1.4 Kesimpulan Pengkaji	7
BAB II	LITERATUR DAN METODE PENELITIAN	11
	2.1 Definisi Abang Jalan	11
	2.2 Penempahan Abang Jalan	11
	2.3 Studi Kewangan	12
	2.4 Keterlibatan Dinas Negara	13
	2.5 Kegiatan Abang Jalan	19

ISI KANDUNGAN

Bab I : Pendahuluan dan Penilaian 1.1 Sosial-Sosial dan Keupayaan Anak DEDIKASI PENGHARGAAN SINOPSIS ISI KANDUNGAN SENARAI JADUAL SENARAI RAJAH	24 27 i ii iv vii ix
BAB I : PENDAHULUAN 1.1 Pendahuluan 1.2 Bidang Kajian 1.3 Metode Kajian 1.3(a) Soalselidik/Questionnaire 1.3(b) Pemerhatian 1.3(c) Temubual 1.3(d) Pembacaan Atas Bahan Yang Berkait 1.4 Kesulitan Kajian	1 1 2 3 5 6 7 7 11
BAB II : LATARBELAKANG FELDA DAN TEMPAT KAJIAN 2.1 Sejarah FELDA Secara Umum 2.2 Pencapaian FELDA 2.3 Sumber Kewangan 2.4 Latarbelakang Tempat Kajian 2.5 Kemudahan Awam	11 11 11 16 18 20

Muka Surat

2.6 Kepimpinan dan Pentadbiran	24
2.7 Kegiatan Sosial dan Keagamaan	27
BAB III : BIODATA RESPONDEN	30
3.1 Umur	30
3.2 Taraf Pelajaran Responden	31
3.3 Tempat Asal	33
3.4 Bilangan Anak	34
3.5 Umur Anak-Anak	36
BAB V	
3.6 Bentuk Rumahtangga	39
3.7 Kedudukan Sosio-Ekonomi Sebelum Memasuki Rancangan	40
3.8 Sebab-Sebab Menyertai Rancangan	46
BAB IV : PEKERJAAN SAMPINGAN	48
4.1 Pendahuluan	48
BAB VI	
4.1(a) Buruh	48
4.1(b) Tempat Kerja	50
4.1(c) Waktu Kerja	52
4.1(d) Pendapatan	53
4.2 Berniaga	54
4.2(a) Modal	55
4.2(b) Pendapatan	55
4.3 Bengkel Motor	57
4.3(a) Alat Ganti	58

Muka Surat

4.3(b) Pendapatan	58
4.4 Kontraktor	59
4.4(a) Pendapatan	60
4.5 Pemandu	61
4.6 Sebab-Sebab Melakukan Kerja Sampingan	63
4.6(a) Pendapatan Tetap Yang Rendah	63
4.6(b) Rangka Kerja	66
4.6(c) Lain-Lain Faktor	67
BAB V : KESAN/IMPLIKASI KERJA SAMPINGAN	69
5.1 Kesan Ke Atas Kerja Ladang	69
5.2 Kesan Ke Atas Gaya Hidup	73
5.3 Kesan Atas Hubungan Dengan Jiran	77
5.4 Kesan Ke Atas Hubungan Peneroka Dengan Pegawai Pentadbir	79
BAB VI : PENUTUP	85
BIBLIOGRAFI	89
LAMPIRAN	
Jeduan 13 : Tingkata Pelajaran Anak-Anak Responden	36
Jeduan 14 : Penyaluran Anak-Anak Responden	37
Jeduan 15 : Pelajaran Anak-Anak Responden	38
Jeduan 16 : Pelajaran Responden Sebelum Memasuki Kampung	41
Jeduan 17 : Pendapatan Responden Sebelum Memasuki Kampung	42
Jeduan 18 : Banyaknya Responden Mengikut Harta Yang Dimiliki di Kampung Asal	43

SENARAI JADUALMuka Surat

Jadual 1 :	Kawasan Yang Dimajukan Sehingga Akhir Tahun 1982	12
Jadual 2 :	Keluasan Kawasan Yang Mengeluarkan Hasil Sehingga Tahun 1982	13
Jadual 3 :	Penghasilan	14
Jadual 4 :	Penempatan Peneroka Mengikut Jenis Tanaman	14
Jadual 5 :	Kakitangan FELDA Mengikut Lokasi Kerja	15
Jadual 6 :	Latihan Akademik dan Profesional	16
Jadual 7 :	Sumber dan Pengeluaran Wang Sehingga 1982	17
Jadual 8 :	Kakitangan Pejabat FELDA Lepar Hilir 1	27
Jadual 9 :	Umur Suami dan Isteri	30
Jadual 10 :	Taraf Pelajaran Peneroka dan Isteri	32
Jadual 11 :	Tempat Asal Peneroka dan Isteri	33
Jadual 12 :	Bilangan Anak	35
Jadual 13 :	Umur Anak-Anak Responden	36
Jadual 14 :	Tingkata Pelajaran Anak-Anak Responden	37
Jadual 15 :	Penyebaran Anak-Anak Responden	38
Jadual 16 :	Pekerjaan Responden Sebelum Memasuki Rancangan	41
Jadual 17 :	Pendapatan Responden Sebelum Memasuki Rancangan	42
Jadual 18 :	Bilangan Responden Mengikut Harta Yang Dimiliki di Kampung Asal	45

Muka Surat

Jadual	Muka Surat
Jadual 19 : Sebab-Sebab Menyertai Rancangan	46
Jadual 20 : Bilangan Responden Yang Bekerja Buruh	49
Jadual 21 : Taburan Tempat Kerja Samada di Dalam Atau Luar Rancangan	51
Jadual 22 : Pendapatan Bersih Buruh Dalam Sebulan	53
Jadual 23 : Pendapatan Bersih Peniaga Yang Dikaji Sebulan	56
Jadual 24 : Corak Perbelanjaan Peneroka Atas Barang Keperluan	65
Jadual 25 : Jumlah Jam Sehari Yang Digunakan Oleh Peneroka di Ladang	70
Jadual 26 : Bilangan Hari Dalam Sebulan Yang Dihabiskan oleh Peneroka di Ladang	71
Jadual 27 : Pendapatan Peneroka Sebelum dan Sesudah Menyertai Rancangan	74
Jadual 28 : Pandangan Peneroka Atas Gaya Hidup di Rancangan Berbanding Dengan Gaya Hidup Sebelum Menyertainya	75
Jadual 29 : Bilangan Yang Sanggup Berpindah Keluar Daripada Rancangan Sekiranya Mendapat Tawaran Yang Lebih Baik	76
Jadual 30 : Pandangan Peneroka Terhadap Pegawai Pentadbir di Rancangan	81
Jadual 31 : Kekerapan Peneroka Mengadu Hal Kepada Orang-Orang Yang Berkenaan	84

SENARAI RAJAHMuka Surat

**Rajah 1 : Struktur Kepimpinan Dalam Jawatankuasa
Kemajuan Rancangan (JKKR) Rancangan
Lepar Hilir 1**

25

Tujuan kajian ini atas rancangan PELDA¹ Lepar Hilir I, Gombong adalah untuk melihat bagaimana kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh peserta-pesertanya. Hasrat kajian ini adalah untuk mengejti hipotesis bahawa di tahap awal kemasukan peserta ke dalam rancangan, wujud kesedaran ketidakcukupan pendapatan tetap. Hal di atas seterusnya mendorong mereka untuk membuat kerja sampingan. Dengan kadar aliran searah yang ditarik oleh peserta iaitu sebanyak 5175 sebulan makin meningkat lagi dalam pengkaji atas hipotesis yang diutarakan.

1.2 Bidang Kajian

Dari segi bidang kajian pada pengenjali meningkatnya tumpuan kepada jentaka kerja sampingan yang dilakukan oleh peserta di rancangan ini. Ini termasuk perincianan ke atas sebab-sebab mengapa peserta-peserta melakukannya serta di mana kerja-kerja sampingan itu dijalankan, seada di dalam atau di luar rancangan. Tampoi-tampoi difokuskan kepada melihat pengetahuan tentang kerja lindung dan kerja kerja sampingan. Aspek ini akan dibincangkan dari segi pembahagian mana nichil peserta-peserta ke atas kerja-kerja tersebut.

¹ PELDA adalah singkatan bagi Federal Land Development Authority atau Lebuhraya Kemajuan Tanah Persekitaran (LKT).

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ke atas rancangan FELDA¹ Lepar Hilir I, Gambang adalah untuk melihat kegiatan kerja-kerja sampingan yang dilakukan oleh peserta-pesertanya. Maksud kajian ini adalah untuk menguji hipotesis bahawa di tahap awal kemasukan peserta ke dalam rancangan, wujud keadaan ketidakcukupan pendapatan tetap. Hal di atas seterusnya mendorong mereka untuk membuat kerja sampingan. Dengan kadar elauan sarahidup yang diterima oleh peserta iaitu sebanyak \$175 sebulan makin menguatkan lagi dakwaan pengkaji atas hipotesis yang diutarakan.

1.2 Bidang Kajian

Dari aspek bidang kajian pula pengkaji memberikan tumpuan kepada jenis-jenis kerja sampingan yang dilakukan oleh peserta di rancangan ini. Ini termasuk perbincangan ke atas sebab-sebab mengapa peserta-peserta melakukannya serta di mana kerja-kerja sampingan itu dijalankan samada di dalam atau di luar rancangan. Tumpuan turut difokuskan kepada melihat penyesuaian antara kerja ladang dan kerja-kerja sampingan. Aspek ini akan dibincangkan dari segi pembahagian masa oleh peserta-peserta ke atas kerja-kerja tersebut.

¹ FELDA adalah singkatan bagi Federal Land Development Authority atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP).

Polisi pihak FELDA dalam hal ini juga menjadi fokus kajian. Samada wujud suatu polisi yang membenarkan serta menggalakkan peserta-peserta di rancangan membuat kerja-kerja sampingan ataupun sebaliknya di mana tiada sebarang polisi secara bertulis tetapi hanya atas budi bicara sahaja.

Akhirnya, bidang kajian juga menyentuh kesan-kesan kerja-kerja sampingan atas beberapa aspek seperti kesannya atas pengeraian ladang, kesannya atas hubungan peserta sesama peserta, hubungan peserta dengan pegawai-pegawai di rancangan.

1.3 Metode Kajian

Pemilihan metode kajian dalam mana-mana kajian sosial adalah penting kerana sebarang kesilapan dalam membuat pilihan akan menjelaskan matlamat untuk mendapatkan maklumat sebanyak dan setepat mungkin. Oleh itu, pengkaji dalam rangka memastikan segala maklumat yang berkaitan dengan kajian diperolehi, telah menggembangkan pelbagai kaedah kajian. Sebelum kerja pengumpulan data dijalankan pengkaji terlebih dahulu menentukan sampel. Usaha penentuan sampel merupakan usaha yang rumit kerana sampel semestinya mewakili keseluruhan yang dikaji. Kriteria utama apabila membuat sampling ialah 'to ensure that a sample provides a faithful representation of the totality from which it is selected, and to know as precisely as possible the probability that a sample is reliable in this way' (Dictionary of Sociology: 184).

Oleh kerana hanya 50%¹ daripada keseluruhan peserta yang melakukan kerja sampingan maka pengkaji terpaksa terlebih dahulu menentukan blok-blok di mana ahli-ahlinya ada membuat kerja sampingan. Setelah ditentukan blok, pengkaji memilih responden yang bakal ditemui secara simple random sample. Pemilihan secara simple random sample memberikan peluang yang adil untuk setiap peserta dipilih sebagai responden. Pemilihan informan dengan cara simple random juga bertujuan untuk 'protects against bias in the selection process and also provides a basis on which to apply statistical distribution theory which allows an estimate to be made of the probability that conclusions from the sample are correct' (Dictionary of Sociology: 184).

Pengumpulan data-data dibuat dengan cara:

(a) Soalselidik/Questionnaire

Cara pertama yang digunakan dalam metode pengumpulan data ialah penggunaan daftar soalselidik. Dalam metode ini pengkaji menyediakan satu set soalan mengenai berbagai persoalan yang bersangkut paut dengan kajian. Melalui kaedah soalselidik, responden hanya perlu memberikan jawapan ke atas soalan yang ditanyakan. Sementara pengkaji pula mencatatkan segala jawapan itu sendiri ke dalam set soalan tersebut. Di samping mencatatkan jawapan oleh responden, kadangkala pengkaji terpaksa membimbing responden dalam memahami kehendak soalan.

¹ Peratus tentang bilangan peserta-peserta di rancangan Lepar Hilir I yang melakukan kerja sampingan ini diperolehi ketika membuat interview dengan Pengurus rancangan Encik Yusof pada llhb. Mei 1984.

Terdapat dua bentuk soalan dalam daftar soalselidik iaitu soalan 'structured' dan 'unstructured'. Bentuk soalan yang pertama dikenali sebagai open-ended questionnaire dan yang kedua sebagai close-ended questionnaire. Menurut Festinger dan Katz, open-ended questionnaire ialah:

"... is one in which the topic is structured for the respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring his answer as he sees fit, and speaking at whatever length he desires."¹

Biasanya soalan-soalan yang dikemukakan dalam bentuk open-ended questionnaire merupakan soalan yang memerlukan serta mementingkan pendapat dan pandangan responden. Penggunaan soalan terbuka memberikan responden peluang untuk menerangkan sesuatu dengan lebih bebas.

Manakala close-ended questionnaire atau soalan tertutup adalah di sebaliknya iaitu responden diajukan soalan-soalan yang jawapannya telahpun disediakan. Menurut Dictionary of Sociology, close-ended questionnaire adalah:

"... in which case the respondent simply selects from predetermined answers such as yes/no in the simplest form, or from a list of predetermined answers in more complicated forms."

(Dictionary of Sociology: 172)

¹ Festinger, L. and Katz, D., Research Methods in the Behavioral Science, U.S.A., Holt, Rinehart and Winston, Inc., 1953, m.s. 350.

Penggunaan bentuk soalan tertutup bertujuan untuk mendapatkan data-data kuantitatif seperti latarbelakang keluarga, pelajaran, harta, pendapatan dan lain-lain data kuantitatif.

Sebelum kajian kerja lapangan dijalankan, pengkaji terlebih dahulu membuat pre-test atas daftar soalselidik. Dengan pre-test segala kelemahan yang ada pada daftar tersebut dapat diperbaiki.

(b) Pemerhatian

Metode kedua yang pengkaji gunakan ialah kaedah pemerhatian. Ia merupakan salah satu metode yang penting dalam mendapatkan maklumat secara first-hand. Segala maklumat yang bersangkutan dengan kehidupan harian responden kebanyakannya hanya berjaya diperolehi dengan metode ini. Menurut Sellitz:

"Observation is not only one of the most pervasive activities of daily life, it is a primary tool of scientific inquiry."¹

Melalui penggunaan metode pemerhatian, pengkaji dapat peluang membuat cross check atas setiap jawapan yang diberikan oleh responden kepada soalan daftar soalselidik. Umpamanya dalam melihat pendapatan responden, pengkaji berpeluang memerhatikan keadaan rumahnya. Dengan itu dapatlah pengkaji membuat penilaian atas jawapan responden samada logik ataupun tidak.

¹ Claire Sellitz, Research Methods in Social Relations, New York, Revised One - Volume Edition, 1959, m.s. 200.

Metode pemerhatian memerlukan pengkaji untuk tinggal di tempat kajian. Ini menambahkan satu lagi metode kajian iaitu pemerhatian ikut serta. Melalui kaedah pemerhatian ikut serta, pengkaji berpeluang mengikuti berbagai aktiviti penduduk. Ini memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pengkaji dalam memahami perlakuan penduduk di rancangan amnya dan responden khasnya. Melalui metode participant-observation, pengkaji berjaya mengumpulkan data-data kualitatifnya tak mungkin diperolehi dan lain-lain metode kecuali interview.

(c) Temubual/Interview

Penggunaan metode ini adalah bagi menampung kegagalan daftar soalselidik dalam mendapatkan maklumat tertentu. Terdapat dua bentuk temubual iaitu temubual rasmi (formal interview) dan temubual tak rasmi (informal interview). Menurut 'Dictionary of Sociology' temubual rasmi adalah yang menggunakan 'structured interview schedule'. Metode temubual rasmi ini, pengkaji gunakan bagi mendapatkan pandangan secara umum Pengurus rancangan terhadap polisi serta peratusan penyertaan peneroka di dalam pekerjaan sambilan.

Sementara 'informal interview' pengkaji gunakan untuk mendapatkan pengesahan satu-satu perkara. Lazimnya, dalam waktu berbual atas hal-hal yang tidak dirasakan bersangkutan dengan kajian, responden lebih bersikap terbuka. Mereka tidak merasa kekok untuk bercakap kerana tiadanya sebarang ikatan topik. Melalui perbualan-

perbualan sebeginilah pengkaji dapat menilai sejauhmanakah jawapan yang diberikan oleh responden atas daftar soalselidik itu benar. Selain daripada itu, pengkaji dapat responden lebih suka berbual bebas sebegini dari menjawab soalan daftar soalselidik.

Penggunaan metode temubual khususnya temubual tak rasmi dirasakan perlu dalam membina 'rapport' antara pengkaji dan penduduk tempatan. 'Rapport' yang baik akan lebih memudahkan kajian kerana sifat mesra akan membuat responden lebih rela untuk memberikan kerjasama.

(d) Pembacaan Atas Bahan Yang Berkait

Bagi mendapatkan perangkaan mengenai pencapaian FELDA secara umum, pengkaji banyak bergantung kepada bahan-bahan cetakan FELDA seperti Laporan Tahunan serta lain-lain artikel mengenai FELDA. Manakala bagi keterangan-keterangan mengenai tempat kajian, selain daripada maklumat yang diperolehi melalui temubual, pengkaji turut mendapatkannya dari bahan-bahan yang ada di Pejabat FELDA Lepar Hilir I.

Pembacaan turut dibuat ke atas beberapa latihan ilmiah yang menyentuh topik kajian samada secara langsung ataupun tidak. Selain dari itu, beberapa disertasi sarjana yang ada di Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi tidak ketinggalan daripada pembacaan pengkaji.

1.4 Kesulitan Kajian

Masalah pertama yang dihadapi oleh pengkaji dalam rangka menyiapkan kajian ini adalah masalah kewangan. Pengkaji terpaksa

menanggung segala perbelanjaan semasa berada di rancangan Lepar Hilir I membuat kerja lapangan. Pengkaji tidak tinggal bersama dengan peserta rancangan kerana rata-rata peserta masih lagi muda. Bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini maka pengkaji mengambil alternatif untuk tinggal bersama salah seorang pegawai rancangan. Jadi, pengkaji terpaksa mengeluarkan wang saku sendiri untuk perbelanjaan harian.

Masalah kedua ialah masalah mendapatkan responden. Setelah memilih blok-blok yang dijadikan sampel, pengkaji secara random memilih mana-mana ahli blok untuk dijadikan responden. Malangnya, kerap kali pengkaji pergi ke rumah-rumah mereka, didapati mereka tiada di rumah. Ini menimbulkan masalah bagi pengkaji kerana pengkaji sendiri tidak mempunyai waktu yang banyak untuk dihabiskan dengan tidak berfaedah. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji mengambil keputusan untuk datang menemui mereka di waktu tengahari. Walaupun pengkaji tahu bahawa waktu tersebut agak kurang sesuai namun ianya tidak dapat dielakkan.

Sementara masalah ketiga pula berkaitan juga dengan sebahagian responden. Mungkin atas sebab perbezaan dari segi tanggapan ataupun nilai maka timbul kesulitan semasa mendapatkan jawapan responden kepada soalan soalselidik. Jawapan yang pengkaji harapkan daripada responden kadangkala tidak tercapai. Umpamanya, bila pengkaji meminta responden menyenaraikan beberapa 'barang mewah' (pada anggapannya). Jawapan yang pengkaji maksudkan lebih kepada barang-barang seperti TV warna, pinggan mangkuk yang mahal-mahal, barang-barang hiasan dan lain-lain

lagi seumpamanya. Tetapi sebaliknya ada sebahagian responden yang memberikan jawapan 'beras' sebagai barang mewah. Berkaitan dengan daftar soalselidik lagi, pengkaji dapati ada responden yang kurang faham dengan soalan. Ini menyebabkan masa begitu banyak dihabiskan untuk menerangkan soalan-soalan.

Masalah kurangnya kerjasama responden turut dihadapi oleh pengkaji. Walaupun kebanyakan responden memberikan kerjasama tetapi terdapat segelintirnya yang 'acuh tak acuh' dalam memberikan jawapan atas soalan yang pengkaji ajukan. Ini mungkin kerana anggapan mereka bahawa pengkaji hanya mengganggu kerja mereka. Mungkin juga kerana mereka menganggap bahawa kajian ini tidak mendatangkan apa-apa faedah buat mereka. Dalam hal ini, pengkaji terpaksa menyabar diri walaupun agak kecewa dengan sikap sambil lewa mereka itu.

Masalah tiadanya bekalan elektrik turut membebankan pengkaji. Segala temubual dengan responden terpaksa dilakukan di siang hari. Walaupun pada mulanya pengkaji dengan iringan Ketua Blok ke rumah responden di waktu malam untuk menemubual mereka tetapi selepas beberapa temubual pengkaji dapati kehadiran Ketua Blok banyak mempengaruhi jawapan responden. Kadangkala Ketua Blok sendiri yang tolong menjawabkan bagi pihak responden. Bagi mengelakkan hal tersebut dari terus berlanjutan maka mahu tidak mahu pengkaji terpaksa menemui responden di sebelah tengahari.

Masalah lain, yang sering juga dihadapi oleh lain-lain pengkaji ialah masalah salah anggapan responden atas diri pengkaji. Walaupun sebelum memulakan 'interview', pengkaji menerangkan siapa diri pengkaji serta tujuan kajian namun kebanyakan responden masih juga ragu-ragu. Ini dapat diperhatikan daripada soalan-soalan yang mereka ajukan kepada pengkaji. Kadangkala pengkaji ditanya berkali-kali tentang diri pengkaji dan tujuan kajian pengkaji. Terdapat juga responden yang mengaku memberikan fakta yang salah setelah mereka 'yakin' akan siapa pengkaji serta tujuan pengkaji.

Masalah lain bersangkut paut dengan masa kajian yang terhad. Pengkaji hanya mempunyai masa selama sebulan bagi menghabiskan kerja lapangan. Ini menghalang pengkaji daripada mengutip data-data yang berbentuk kualitatif seperti sikap peneroka atas kerja ladang, sikap mereka terhadap jiran dan juga pegawai-pegawai rancangan. Maklumat yang pengkaji perolehi hanya daripada 'cakap-cakap' responden sahaja. Ini tidak sepenuhnya menunjukkan sikap mereka yang sebenar.

Pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat tentang simpanan responden. Boleh dikatakan semua responden yang ditemui mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang simpanan. Hal ini walaupun benar bagi kebanyakan responden (memandangkan daripada keadaan dalam rumah mereka) tetapi tidak mencakupi semua responden. Terdapat responden yang mengaku tiada mempunyai simpanan, memiliki kereta dan kedai runcit. Agak malang bagi pengkaji kerana tidak berkesempatan untuk melihat keadaan dalam rumah mereka ini kerana temubual dilakukan di bahagian hadapan kedai.

BAB II

LATARBELAKANG FELDA DAN TEMPAT KAJIAN

1. Sejarah FELDA Secara Umum

FELDA telah ditubuhkan dalam tahun 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah Bil. 20(1956). Pada mulanya FELDA hanya berfungsi untuk:

"... to promote and assist the investigation, formulation and carrying out of projects for the development and settlement of land in the Federation."¹

Walau bagaimanapun, empat tahun kemudian iaitu dalam tahun 1960 peranan serta fungsi yang dimainkan oleh FELDA telah mengalami perubahan. Sejak tahun 1960 FELDA tidak lagi semata-mata sebagai loan board bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri tetapi bertanggungjawab secara langsung dalam merancang, membuka tanah baru, membiayai serta mentadbir penempatan semula peneroka-peneroka di skimnya sendiri. Selain dari itu, FELDA juga diberikan tanggungjawab bagi menyelaraskan tugas semua jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan tanah dan penempatan semula.

2. Pencapaian FELDA

Setelah 28 tahun penubuhannya, FELDA telah berjaya membuka

¹ Dalam Shamsul Amri Baharuddin RMK: Tujuan dan Pelaksanaannya. Suatu Penilaian Teoritis, m.s. 66.

kawasan seluas 597,998 hektar di 331 buah rancangan. Daripada keluasan tersebut 560,133 hektar merupakan kawasan pertanian dan 37,865 hektar lagi adalah kawasan perkampungan. Perincian ke atas kawasan yang telah dimajukan sehingga akhir tahun 1982 dari segi jenis tanaman dan bilangan rancangan, dapat dilihat daripada Jadual 1. Sebanyak 60.6% dari keluasan kawasan pertanian yang dimajukan oleh FELDA hingga akhir 1982 ditanam dengan kelapa sawit. Ini diikuti oleh getah seluas 175,247 hektar iaitu sebanyak 29.3%. Lain-lain tanaman iaitu koko sebanyak 2.8%, tebu 0.9% dan kopi 0.1%.

Walau bagaimanapun, kawasan yang mengeluarkan hasil sehingga akhir 1982 hanya meliputi kawasan seluas 314,673 hektar dengan hasil sebanyak 4,950,809 tonne. (Lihat Jadual 2).

Jadual 1: Kawasan Yang Dimajukan Sehingga Akhir Tahun 1982

Penggunaan Tanah	Bilangan Rancangan	%	Hektar	%
Sawit	194	58.6	362,347	60.6
Getah	122	36.9	175,247	29.3
Koko	12	3.6	16,892	2.8
Tebu	2	0.6	5,118	0.9
Kopi	1	0.3	529	0.1
Bandar/ Perkampungan	-	-	37,865	6.3
JUMLAH	331	100.0	597,998	100.0

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1982

Jadual 2: Keluasan Kawasan Yang Mengeluarkan Hasil Sehingga Akhir 1982

Jenis Tanaman	Hektar	Hasil (Tonne)
Sawit	224,365	4,734,605
Getah	82,992	96,792
Tebu	3,417	118,963
Koko	3,899	449
JUMLAH	314,673	4,950,809

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1982

Pengeluaran hasil sebanyak 4,950,809 tonne bagi tahun 1982 di atas bernilai \$708,971,238. Daripada jumlah tersebut sawit mengatasi lain-lain tanaman dengan nilai sebanyak \$562,962,156. Diikuti oleh getah sebanyak \$136,280,418. Sementara tebu dan koko masing-masing sebanyak \$8,434,543 dan \$1,294,121. Nilai pengeluaran ini (1982) melebihi nilai pengeluaran 1981 sebanyak \$6,771,280 iaitu 1%. Peningkatan pengeluaran hasil tanaman tahun 1982 adalah disebabkan oleh pertambahan dalam kuantiti sawit, tebu dan koko berbanding dengan tahun 1981. (Lihat Jadual 3).

Dari segi penempatan peneroka pula FELDA hingga kini telah berjaya menempatkan sebanyak 76,782 keluarga di 207 buah rancangan pada akhir 1982. Dalam tahun 1982 sahaja FELDA telah menempatkan sebanyak 6,219 keluarga peneroka. Pencapaian tersebut melebihi 3.7% daripada matlamat tahunan 6,000 keluarga bagi Rancangan Malaysia.

Empat (RME).

TAHUN 1982 FELDA mengalami hasil tanam sebanyak 7,635

Jadual 3: Penghasilan

di seluruh pentadbiran FELDA sebanyak 1,070 buah unit bertujuan

Jenis Tanaman	Tahun 1982		Tahun 1981	
	Tonne	\$	Tonne	\$
Sawit	4,734,605	562,962,156	3,775,795	538,790,613
Getah	96,792	136,280,418	111,762	150,884,374
Tebu	118,963	8,434,543	111,841	11,011,273
Koko	449	1,294,121	289	1,513,958
JUMLAH		708,971,238		702,199,958

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1982

Jadual 4: Penempatan Peneroka Mengikut Jenis Tanaman

Jenis Tanaman	Bilangan Keluarga	%
Sawit	43,978	57.3
Getah	32,188	41.9
Tebu	438	0.6
Koko	178	0.2
JUMLAH	76,782	100.0

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1982

Perkembangan serta prestasi yang ditunjukkan oleh FELDA

telah turut membawa kepada pertambahan bilangan kakitangannya.

Sehingga akhir tahun 1982 FELDA mempunyai kakitangan seramai 7,835 orang. Dari jumlah tersebut sebanyak 75.9% atau 5,943 orang bertugas di serata rancangan FELDA. Seramai 1,020 orang pula bertugas di Pejabat Operasi/Wilayah dan 725 orang di Ibu Pejabat. Selebihnya seramai 147 orang (1.9%) ditugaskan di INPUT, Pusat-Pusat dan Sekolah-Sekolah Latihan. Pemecahan dari segi lokasi kerja bagi kakitangan FELDA boleh dilihat daripada Jadual 5.

Jadual 5: Kakitangan FELDA Mengikut Lokasi Kerja

Lokasi	Bilangan	%
Rancangan	5,943	75.9
Pejabat Operasi/Wilayah	1,020	13.0
Ibu Pejabat	725	9.2
INPUT, Pusat-Pusat dan Sekolah-Sekolah Latihan	147	1.9
JUMLAH	7,835	100.0

Di samping itu pihak FELDA juga telah inisiatif bagi mempertingkatkan prestasi kerja kakitangannya dengan menyediakan berbagai bentuk latihan di beberapa pusat latihan samada dalam ataupun luar negeri. Di sepanjang tahun 1982 seramai 71 orang kakitangan dan pemegang basiswa FELDA telah menyertai latihan akademik dan profesional di institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri. Ini dapat diperhatikan dari Jadual 6.

Jadual 6: Latihan Akademik dan Profesional

Institusi	Bilangan
Universiti Teknologi Malaysia	68
Universiti Katholik Leuven, Belgium	1
Politeknik Luton, London	2
JUMLAH	71

Sumber: Laporan Tahunan FELDA 1982

3. Sumber Kewangan

Perbelanjaan yang terlibat untuk menjayakan projek-projek FELDA adalah begitu tinggi sekali. Kerana ia bukan sahaja melibatkan pembangunan ladang semata-mata tetapi termasuk juga perbelanjaan pentadbiran, tempat tinggal peneroka dan infrastruktur.. Ini dapat dilihat di mana dalam RME, FELDA telah diberikan peruntukan sebanyak \$2,040.96 juta oleh Kerajaan Pusat. Selain daripada Kerajaan Pusat, FELDA mendapatkan sumber untuk melaksanakan projeknya dari badan serta institusi kewangan luar negeri seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan beberapa lagi institusi. (Lihat Jadual 7).

Jadual 7: Sumber dan Pengeluaran Wang Sehingga 1982

Sumber	Jumlah Pengeluaran Sehingga 1981	Jumlah Pengeluaran 1982	Jumlah Pengeluaran Sehingga 1982	%
Kerajaan Persekutuan (KP)	2,698,835,534	453,885,023	3,152,720,557	89.36
<u>Melalui KP:</u>				
Bank Dunia	254,893,707	25,758,438	280,652,145	7.96
Bank Pembangunan Asia	6,873,607	-	6,873,607	0.19
Tabung Koperasi Ekonomi Seberang Laut (OECF)	27,569,271	-	27,569,271	0.78
Tabung Kuwait (KFAED)	19,055,875	4,274,319	23,330,194	0.66
Tabung Saudi (SFD)	6,645,685	15,246,411	21,892,096	0.62
Bantuan Penanaman Baru Getah	13,480,052	-	13,480,052	0.38
Bantuan Penanaman Semula Getah	937,054	739,765	1,618,992	0.05
JUMLAH	3,028,290,785	499,903,956	3,528,136,914	100.0

Sumber: Laporan Tahunan 1982 FELDA

4. Latarbelakang Tempat Kajian

Rancangan Lepar Hilir I terletak kira-kira 8 km dari pekan Gambang iaitu pekan yang paling hampir dengannya. Ia termasuk ke dalam gugusan FELDA Pahang Timur. Selain dari itu, rancangan ini merupakan salah sebuah daripada beberapa buah rancangan FELDA di negeri Pahang yang agak terkemudian dibuka. Rancangan Lepar Hilir I mulai dibuka dalam tahun 1976. Tetapi enam tahun kemudian iaitu pada lhb. Januari 1982 baru dimasukkan peserta-peserta. Kini seramai 424 keluarga peneroka berjaya ditempatkan di Lepar Hilir I.

Di awal perancangan pihak pentadbiran FELDA memperuntukkan rancangan Lepar Hilir I hanya kepada tanaman getah. Namun atas sebab yang tidak dapat dielakkan maka perancangan awal tersebut terpaksa dibatalkan pelaksanaannya. Kini skim rancangan Lepar Hilir I ditanami dengan dua jenis tanaman iaitu getah dan kelapa sawit. Oleh itu peserta-peserta dijangkakan menerima lot ladang masing-masing atas nisbah 8:2 iaitu 8 ekar getah dan 2 ekar kelapa sawit. Buat masa ini peserta-peserta diberikan lot ladang sementara untuk diusahakan.¹ Pembahagian serta penetapan lot ladang hanya dijangkakan dibuat di penghujung tahun 1984.

Terbantutnya perancangan awal serta langkah pihak FELDA mengubahnya berpunca daripada kerosakan anak-anak getah akibat serangan

¹ Lot ladang sementara adalah sebanyak 10 ekar getah bagi masing-masing peserta untuk dikerjakan. Tanaman kelapa sawit pula diusahakan oleh peserta-peserta yang agak terkemudian menyertai rancangan.

gajah-gajah liar dan bencana alam seperti banjir juga kebakaran. Menurut laporan yang ada serangan gajah-gajah liar ke atas anak-anak getah bermula sejak tahun 1978. Semenjak dari tarikh itu hingga kepada 2hb. April 1981 seluas 600 ekar kawasan ladang yang terlibat dengan kemusnahan sebanyak lebih kurang 120,000 batang anak getah.¹ Bagi mengatasi masalah tersebut pihak FELDA mengambil inisiatif memasang pagar-pagar elektrik di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan hutan.

Jadi dalam usaha menyaingi tanaman getah yang terselamat daripada serangan gajah-gajah liar dan bencana alam maka pihak pentadbiran FELDA Lepar Hilir 1 mengambil langkah menggantikan tanaman getah yang musnah dengan kelapa sawit. Tindakan ini diambil kerana bagi memastikan agar pengeluaran hasil dapat diselaraskan demi mengelak dari timbul sebarang kekecohan kelak dan kerana kelapa sawit lebih cepat mengeluarkan hasil jika dibandingkan dengan getah. Menurut jangkaan rancangan Lepar Hilir 1 akan mula mengeluarkan hasilnya di penghujung tahun 1984.

Bagi mempastikan para peserta mempunyai persiapan yang cukup dan lengkap sebelum mereka mula menoreh (getah), maka pihak FELDA di rancangan ini telah mengatur satu kursus menoreh. Namun perlu diingat sebelum dari ini para peserta telahpun diberikan beberapa

¹ Sumber - Pejabat FELDA Lepar Hilir 1. Menurut laporan dalam akbar Berita Harian (Jumaat, 8hb. Jun 1984) kerugian yang dialami oleh pihak FELDA akibat serangan gajah-gajah liar di seluruh Malaysia Barat ialah sebanyak \$170 juta.

siri kursus seperti kursus orientasi, kursus membaja dan juga kursus meracun. Kesemua kursus tersebut diadakan bagi melengkapkan para peserta dengan pengetahuan yang cukup baik dari segi mengetahui tujuan, polisi dan matlamat FELDA serta lain-lain aspek yang berkaitan dengan kerja ladang.

Dalam kursus yang dijalankan selama tiga hari (22hb. Mei 1984 - 24hb. Mei 1984) (kursus menoreh) para peserta diberikan kesedaran tentang betapa pentingnya penjagaan ke atas pokok getah bagi menjamin tempoh ekonominya lebih lama. Begitu juga dengan cara menoreh yang betul akan menjauhkan pokok-pokok daripada sebarang penyakit. Selain dari itu, peserta-peserta juga diberikan makluman dalam mengenali tanda-tanda awal penjangkitan penyakit pokok agar dengan pengetahuan yang ada, dapatlah mereka bertindak di tahap awal timbulnya satu-satu penyakit. Di akhir kursus diadakan satu demonstrasi tentang cara-cara yang betul ketika menoreh. Kursus ini dijayakan oleh seorang Pegawai Institut Penyelidikan Getah (RRI) Kuala Lumpur dengan dibantu oleh pegawai-pegawai RRI Gambang serta pegawai-pegawai rancangan.

5. Kemudahan Awam

Dari segi perhubungan, rancangan Lepar Hilir 1 dihubungkan dengan kawasan luar oleh sebatang jalan tanah merah. Jalan sepanjang lebih kurang 7 km ini dapat digunakan walaupun dalam keadaan cuaca yang agak buruk. Selain daripada itu terdapat sebatang jalan rentas yang sering juga digunakan oleh para peserta untuk keluar ke pekan Gambang

atau bandar Kuantan. Walau bagaimanapun, jalan rentas ini hanya dapat dilalui ketika cuaca baik sahaja. Sebenarnya jalan rentas tersebut merentasi kawasan ladang rancangan Lepar Hilir 5 yang bakal dibuka tidak lama lagi.

Rancangan Lepar Hilir 1 mendapatkan bekalan airnya daripada Sungai Lepar yang berhampiran. Disebabkan ketiadaan loji penapis maka air yang dibekalkan tidak ditapis. Ini menimbulkan kesukaran bagi para peserta kerana terpaksa pula menyediakan pemapis sendiri bagi menentukan air tersebut bersih dan tidak berkelodak. Di samping itu, air hanya dibekalkan pada waktu tertentu sahaja, tidak dua puluh empat jam.

Sementara bekalan elektrik pula masih tidak ada di rancangan ini. Dalam situasi ini peserta-peserta rancangan bergantung kepada minyak tanah sebagai sumber api, baik bagi tujuan memasak atau untuk kegunaan pelita dan gaslin. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil peneroka yang menggunakan bateri sebagai ganti kepada kuasa elektrik. Kesulitan kerana ketiadaan kuasa elektrik hanya ditanggung oleh peserta-peserta rancangan sahaja. Bagi rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai FELDA di rancangan ini, mereka mendapat bekalan elektrik yang dimungkinkan oleh adanya generator.

Di samping itu, dalam rangka menyediakan kemudahan pelajaran bagi anak-anak peneroka dan pegawai, didirikan sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan FELDA Lepar Hilir 1. Selain anak-anak para

peneroka dan pegawai rancangan Lepar Hilir 1, sekolah ini turut didatangi oleh anak-anak peserta dan pegawai FELDA Lepar Hilir 2. Seperti juga dengan lain-lain sekolah kebangsaan di luar rancangan, Sekolah Kebangsaan Lepar Hilir 1 turut mendapat khidmat guru-guru yang berkelayakan. Majoriti guru yang mengajar di sini adalah merupakan guru lepas mactab.

Untuk tujuan kemudahan perubatan di rancangan Lepar Hilir 1 ada disediakan sebuah klinik. Ianya ditempatkan di sebuah bangunan sementara iaitu rumah peneroka yang kosong. Namun begitu rawatan yang diberikan hanya berupa rawatan pesakit luar sahaja. Sebarang kes yang teruk akan dibawa ke Hospital Besar Kuantan. Sekulan sekali unit kesihatan bergerak daripada Pusat Kesihatan Gambang masuk ke sini bagi memastikan penduduk rancangan sentiasa bebas dari sebarang wabak penyakit.

Selain daripada soal keselesaan hidup, soal ibadat juga turut dititikberatkan. Bagi memudahkan penduduk di rancangan ini mengerjakan sembahyang jemaah, pihak pentadbir rancangan menyediakan sebuah masjid sementara. Ianya ditempatkan di sebuah bangunan yang asalnya merupakan sebuah balairaya. Di masjid inilah penduduk rancangan serta orang-orang yang berhampiran mengerjakan ibadat sembahyang fardu secara berjemaah, baik sembahyang fardu yang lima dan fardu Jumaat. Di samping itu, di sinilah juga peserta serta pegawai-pegawai rancangan mengerjakan sembahyang Hari Raya.

Dari segi kemudahan media massa pula, samada media cetak mahupun elektronik yang ada di rancangan ini, dapat dikatakan memuaskan. Penggunaan serta pemilikan radio dan peti televisyen di kalangan peserta dimungkinkan dengan adanya penggunaan bateri. Disebabkan hal ini peratusan peserta yang memiliki media elektronik khasnya televisyen adalah kecil. Sementara pengagihan media cetak khususnya suratkhabar dilakukan sendiri oleh peserta rancangan ini. Setiap akhbar yang diedarkan di sini berharga 40 sen (akhbar harian) iaitu 5 sen lebih mahal daripada harga pasaran biasa. Kenaikan harga tersebut terpaksa dibuat bagi menampung kos pengangkutan penjual akhbar yang terpaksa keluar ke pekan Gambang untuk mendapatkan akhbar.


Lain-lain kemudahan yang disediakan demi kepentingan penduduk di rancangan ialah kemudahan kedai. Pihak FELDA rancangan Lepar Hilir 1 dalam hal ini telah menyediakan beberapa buah kedai untuk disewakan kepada peserta-peserta yang berminat bagi menjalankan usaha perniagaan. Kedai-kedai yang ada dikenakan kadar sewa berdasarkan kecil atau besarnya. Kadar-kadar sewa yang dikenakan adalah \$60, \$50, \$25 dan \$15 sebulan. Selain daripada kemudahan kedai di atas, pihak FELDA juga ada mendirikan sebuah kedai Perbadanan Niaga FELDA (PNF). Di sinilah peserta-peserta mendapatkan bekalan keperluan mereka secara hutang. Jumlah pengambilan barang secara hutang hanya dibenarkan setakat \$120 sahaja sebulan bagi setiap peneroka. Kesemua hutang peserta di PNF dibayar secara pemotongan ke atas elsaun hidup/sarahidup yang mereka terima daripada pihak FELDA.

6. Kepimpinan dan Pentadbiran

Rancangan Lepar Hilir 1 mempunyai seramai 424 orang peneroka. Bagi memudahkan pentadbiran mereka dibahagikan ke dalam beberapa blok. Secara purata setiap blok mempunyai seramai 20 orang. Tiap-tiap blok pula mempunyai Ketua Blok masing-masing. Ketua Blok dipilih secara undian oleh ahli-ahli blok. Bagi membantu Ketua Blok dalam menjalankan tugasnya diadakan juga jawatan Setiausaha dan Bendahari. Di atas bahu mereka inilah dipertanggungjawabkan bebanan masalah yang timbul di kalangan ahli-ahlinya. Segala masalah yang timbul akan cuba diatasi sedaya mungkin oleh mereka. Mana-mana masalah yang gagal mereka selesaikan akan dibawa ke pengetahuan pihak pentadbir Lepar Hilir 1. Apa yang penting dinyatakan di sini ialah perkhidmatan yang diberikan oleh ketiga ahli blok yang terpilih ke jawatan di atas adalah secara sukarela. Dengan kata-kata lain, mereka tidak mendapat sebarang bayaran atas jawatan yang mereka pangku.

Di peringkat rancangan pula terdapat sebuah lembaga iaitu Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR). Kesemua Ketua Blok secara automatik adalah ahli bagi lembaga ini. Di dalam JKKR diwujudkan beberapa jawatan seperti Pengurusi, Naib Pengurusi, Setiausaha, Bendahari dan Ketua Biro Kemasyarakatan, Ladang, Pelajaran juga Ekonomi (Lihat Rajah). Kesemua jawatan di atas dipegang oleh peserta rancangan kecuali jawatan Pengurusi yang sememangnya dipegang oleh Pengurus rancangan dan wakil undangan khas yang terdiri daripada Guru Besar, Bidan dan Polis. Sebenarnya, pembiuhan JKKR dalam setiap

Rajah I: Rajah Memunjukkan Struktur Kepimpinan Dalam
Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR)



Sumber: Pejabat PELDA Lepar Hilir 1

rancangan FELDA baik rancangan lama maupun rancangan baru adalah untuk membolehkan penglibatan dan penyertaan peneroka yang lebih berkesan di semua peringkat kegiatan rancangan. Ini menepati tujuan serta matlamat pembangunan sosial FELDA iaitu untuk 'mendidik dan membina peneroka supaya mempunyai nilai, sikap dan sifat yang diperlukan bukan sahaja bagi kejayaan pembangunan tanah tetapi juga bagi pembangunan diri peneroka sendiri' (FELDA: Impian Menjadi Kenyataan).

Secara ringkas dapat dirumuskan bahawa penubuhan JKRR dalam rancangan FELDA bertujuan untuk memudahkan sistem pentadbiran dan memberikan pendedahan kepada peneroka dalam aspek pentadbiran rancangan.

Dari segi pentadbiran, FELDA Lepar Hilir 1 diuruskan oleh kakitangan FELDA di bawah seorang Pengurus. Kejayaan projek pembangunan tanah khasnya FELDA sangat bergantung pada komitmen yang mereka berikan dalam menjalankan tugas sebagai 'policy implementors'. Tanpa komitmen yang menyeluruh daripada mereka maka dirasakan matlamat Kerajaan Pusat untuk membina satu komuniti baru yang dinamis begitu pudar sekali. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak menafikan dalam rangka kejayaan sesuatu projek pembangunan tanah 'rapport' antara pegawai rancangan sebagai pelaksana polisi dan peneroka sebagai penerima polisi adalah juga penting. Susunan serta jadual pentadbiran Lepar Hilir 1 dapat dilihat di Jadual 8.

Jadual 8: Kakitangan Pejabat FELDA Lepar Hilir 1

Kedudukan Pekerjaan	Bilangan
Pengurus	1
Penolong Pengurus	1
Penyelia	6
Pembantu Luar	4
Pembantu Pembangunan Peneroka (SDA-Ugama)	1
SSD (W)	1
Kerani	2
Jurutaip	1
Pemandu Landrover, Combi Van, Traktor	3
Juruturis	1
JUMLAH	21

7. Kegiatan Sosial dan Keagamaan

Keadaan ini diakibatkan oleh perbezaan-

Kepelbagaiannya yang wujud antara peserta-peserta rancangan
ekoran dari latarbelakang tempat asal yang berlainan menyebabkan
perlunya diadakan pelbagai jenis kegiatan pula, baik yang bercorak
sosial maupun agama. Disebabkan para peserta di rancangan Lepar
Hilir 1 seratus peratus berbangsa Melayu dan menganut agama Islam
maka segala kegiatan yang bercorak agama dapat berjalan dengan lancar.
Pengwujudan kegiatan-kegiatan sosial serta agama diharapkan dapat
menyatupadukan peserta-peserta rancangan. Usaha penyatuan ini dilihat

sebagai suatu usaha dan langkah yang positif ke arah menjayakan matlamat pembentukan masyarakat rancangan yang dinamis dan dedikasi. Dengan itu pihak pentadbir FELDA Lepar Hilir 1 telah mengambil inisiatif serta mengorbankan masa yang banyak bagi menjayakannya.

Di peringkat blok terdapat beberapa kegiatan sosial dan agama yang dijalankan oleh ahli-ahli blok. Antara kegiatan sosial ialah gotong-royong. Melalui kegiatan ini ahli-ahli secara tidak langsung dilatih bekerjasama dan bertolak ansur dalam setiap hal. Aktiviti gotong-royong bertujuan bagi menjaga kebersihan blok di mana dalam aktiviti itu ahli-ahli blok bekerjasama membersihkan kawasan blok masing-masing. Sementara kegiatan yang bercorak agama yang dijalankan di peringkat blok ialah kegiatan membaca yasin serta tahlil. Kegiatan ini dilakukan secara pusingan pada setiap malam Jumaat. Setiap ahli blok akan bergilir-gilir menjadi tuan rumah kepada kegiatan ini. Sebagaimana kebiasaan, tuan rumah akan menyediakan sedikit juadah bagi meraikan lain-lain ahli blok.

Kegiatan-kegiatan di peringkat rancangan pula melibatkan keseluruhan peserta rancangan. Kegiatan sosial dan agama di tahap ini dijalankan secara lebih meluas baik dari segi penyertaan ahli dan juga aktiviti-aktiviti. Antara kegiatan-kegiatan yang wujud pada peringkat rancangan ialah JKRR, GPW, UMNO, Belia, Gotong-Royong, Koperasi dan Khairat Kematian. Walau bagaimanapun, semasa kajian ini dibuat Persatuan Belia yang ada masih belum menjalankan kegiatannya.

Ini mungkin disebabkan persatuan itu sendiri baru ditubuhkan dan memerlukan masa untuk memulakan sebarang aktiviti.

2.2. Umur

Berdasarkan kerangka statistik yang diberikan pada dalam makalah spatu pengaruh usia, PUSA sehingga wujud dalam kerangka persatuan serta pengaruh usia di Malaysia ini berdasarkan data yang diperolehi dari 100 responden yang merupakan penumpang PUSA bertempoh selama 11 - 35 tahun. Walaupun begitu, pengaruh dibentuk kepada bahan-bahan bersifat linjear kecuali ia ada 30 tahun.³ Jumlah 9 responden tersebut yang berumur di bawah 18 tahun (sendiri) untuk latihan pertumbuhan.

Jumlah 90 Buah Data Untuk Analisis

Penyelidikan Makalah (Tahun)	Rata-rata	Pusat		Jelajai	
		BLR	%	BLR	%
18	2	-	-	2	6,7
21	3	10,0	11	32	86,0
24	8	26,7	12	36,7	
31	10	33,3	3	10,0	
36	8	26,7	-	-	
Total 90	1	3,3	-	-	
	100,0	30	100,0	30	100,0

³ Sumber: Jurnal 28, Tahun 2000, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, makalah 4 PUSA, halaman 50 - 51.

BAB III

BIODATA RESPONDEN

Umur responden berkisar antara 18 - 75 tahun dengan rata-rata

3.1 Umur responden antara 21 - 35 tahun. Selebihnya sebanyak 30% lagi terletak

Umur merupakan salah satu kriteria yang dirasakan penting dalam mana-mana usaha pembangunan tanah. FELDA sebagai agen terbesar dalam usaha penerokaan serta pembangunan tanah di Malaysia tidak terkecuali daripada menitikberatkan umur ke atas pemilihan peserta-peserta rancangannya. Peserta-peserta yang dianggap layak untuk menyertai rancangan FELDA mestilah berumur antara 18 - 35 tahun. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada bekas-bekas tentera hingga ke usia 40 tahun.¹ Jadual 9 memperlihatkan peratusan umur responden (suami) serta isteri masing-masing.

Jadual 9: Umur Suami dan Isteri

Pembahagian Umur (Tahun)	Suami		Isteri	
	Bil.	%	Bil.	%
16 - 20	-	-	2	6.7
21 - 25	3	10.0	12	40.0
26 - 30	8	26.7	11	36.7
31 - 35	10	33.3	5	16.6
36 - 40	8	26.7	-	-
Lebih 40	1	3.3	-	-
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

¹ Lihat FELDA: 21 Years of Land Development, Tunku Shamsul Bahrain & P.D.A. Parera, m.s. 56 - 59.

Daripada Jadual 9 didapati sebanyak 10% suami yang terlibat dalam kajian berusia antara 21 - 25 tahun. 26.7% berumur antara 26 - 30 tahun. Sementara peratusan yang besar suami-suami berada dalam usia antara 31 - 35 tahun. Selebihnya sebanyak 30% lagi terletak dalam kategori usia melebihi 35 tahun.¹

Di pihak isteri-isteri pula sebanyak 6.7% berumur antara 16 - 20 tahun. Manakala yang berusia antara 21 - 25 tahun ialah sebanyak 40%. 36.7% iaitu 11 orang terletak dalam usia antara 26 - 30 tahun. Selebihnya sebanyak 16.6% lagi berada dalam lingkungan umur antara 31 - 35 tahun. Dilihat secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa peratusan umur isteri-isteri adalah lebih muda daripada suami-suami yang dikaji.

3.2 Taraf Pelajaran Responden

Dari penganalisaan, didapati tiada seorang pun suami-suami yang tiada mempunyai pendidikan formal. Apa yang berbeza cuma tahap persekolahan iaitu kedapatan peneroka-peneroka yang hanya bersekolah rendah sahaja. Dari data yang berikut, dapat dilihat sebanyak 63.3% suami-suami yang mempunyai pendidikan formal setakat Darjah 6. Sementara sebanyak 36.7% pula mendapat pendidikan formal sehingga ke sekolah menengah iaitu setakat Tingkatan 3.

¹ Usia bakal peserta ke dalam rancangan FELDA diambil kira semasa temuduga dijalankan. Jadi dalam masa menunggu untuk ditempatkan ke dalam rancangan didapati ada peserta-peserta yang sudah melampaui batas had umur yang telah ditetapkan oleh pihak FELDA. Hal ini tidak bertentangan dengan polisi tersebut.

Jadual 10: Taraf Pelajaran Peneroka dan Isteri

Taraf Pelajaran	Suami		Isteri	
	Bil.	%	Bil.	%
Tingkatan 5	-	-	1	3.3
Tingkatan 4	-	-	-	-
Tingkatan 3	8	26.7	6	20
Tingkatan 2	2	6.7	-	-
Tingkatan 1	1	3.3	1	3.3
Darjah 6	17	56.7	14	46.7
Darjah 5	1	3.3	2	6.7
Darjah 4	-	-	1	3.3
Darjah 3	1	3.3	-	-
Darjah 2	-	-	3	10
Darjah 1	-	-	-	-
Tidak Bersekolah	-	-	2	6.7
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

Keadaan ini agak berbeza di pihak isteri-isteri. Peratusan menerima pendidikan formal adalah sebanyak 93.3% sahaja, tidak mengira samada setakat Darjah 6 ataupun sekolah menengah. Sebanyak 6.7% lagi tidak pernah menerima sebarang pendidikan yang formal. Hal ini tidak mustahil kerana masih lagi kedapatan ibubapa yang mengambil sikap dingin ke atas pelajaran khasnya anak-anak perempuan mereka. Ibubapa yang tergolong ke dalam kategori ini biasanya mempunyai pandangan

bahawa anak-anak perempuan tugasnya hanya di dapur. Jadi mereka juga tidak memerlukan sebarang pelajaran yang formal.

3.3 Tempat Asal

16.7% responden berasal dari Pulau Pinang manakala 3 orang iaitu Tempat asal di sini adalah tempat lahir responden. Penegasan ini dirasakan perlu dibuat kerana kedapatan responden-responden yang dilahirkan dan dibesarkan di tempat yang berlainan. Daripada kajian jelas menunjukkan bahawa responden-responden berasal daripada tempat/negeri yang berlainan dalam Semenanjung Malaysia. Hal ini dapat dilihat dari jadual di bawah.

Jadual 11: Tempat Asal Peneroka dan Isteri

Negeri	Bil. Suami	%	Bil. Isteri	%
Pahang	5	16.7	14	46.7
Kedah	10	33.3	7	23.4
Pulau Pinang	3	10.0	-	-
Perak	5	16.7	3	10.0
Kelantan	2	6.7	1	3.3
Selangor	2	6.7	3	10.0
Melaka	1	3.3	1	3.3
Johor	1	3.3	-	-
Perlis	1	3.3	1	3.3
JUMLAH	30	100.0	30	100.0

yang kecil sahaja. Peratusan ini juga tinggi jika dibandingkan dengan peratusan keluarga yang mempunyai anak selain 6 orang iaitu

Berpandukan jadual dapat dilihat bahawa peratusan yang agak besar iaitu sebanyak 33.3% di pihak suami berasal daripada negeri Kedah. Ini diikuti oleh negeri Pahang dan negeri Perak, masing-masing sebanyak 16.7%. Manakala suami yang berasal dari Pulau Pinang seramai 3 orang iaitu sebanyak 10%. Peratusan suami-suami yang bertempat asalkan negeri Kelantan dan negeri Selangor pula ialah 6.7%. Sementara suami-suami yang berasal dari negeri Melaka, Johor dan Perlis hanya sebanyak 3.3% setiap satunya.

Di pihak isteri pula, peratusan yang besar terdiri daripada rakyat negeri Pahang iaitu sebanyak 46.7%. Sebanyak 23.4% bertempat asalkan negeri Kedah, manakala bagi negeri-negeri Perak dan Selangor masing-masing sebanyak 10%. Selebihnya berasal daripada negeri Kelantan 3.3%, Melaka 3.3% dan Perlis 3.3%.

Hubungan Dengan Anak

3.4 Bilangan Anak

Dengan melihat bilangan anak responden secara tidak langsung mencerminkan saiz keluarga serta tanggungan peneroka yang dikaji. Jumlah bilangan anak-anak responden dapat dilihat daripada Jadual 12.

Melihat Jadual 12 dapat dikatakan lebih dari separuh keluarga peneroka yang dikaji adalah kecil. Sebanyak 73.3% (22 keluarga) iaitu yang mempunyai anak antara 1 - 3 orang, dapat dianggap sebagai keluarga yang kecil saiznya. Peratusan ini begitu tinggi jika dibandingkan dengan peratusan keluarga yang mempunyai anak melebihi 6 orang iaitu

yang dianggap sebagai tergolong ke dalam saiz yang besar (6.7%).

Sementara yang selebihnya sebanyak 20% dapat digolongkan ke dalam saiz sederhana, iaitu yang mempunyai anak di antara 4 -- 6 orang.

Jadual 12: Bilangan Anak

Bil. Anak	Keluarga	%
1	4	13.4
2	8	26.7
3	10	33.3
4	2	6.7
5	3	10.0
6	1	3.3
7	1	3.3
8	1	3.3
JUMLAH	30	100.0

Jadual 12: Bilangan Anak-Anak Responden

Sekali imbas dapat juga dibuat suatu kesimpulan bahawa majoriti peneroka yang dikaji tidak mempunyai tanggungan yang besar. Ini berdasarkan jumlah anak yang dipunyai oleh responden. Secara logiknya, semakin kecil bilangan ahli dalam satu-satu keluarga maka semakin kecillah pula tanggungannya (suami). Namun kenyataan ini tidak selalunya benar. Terdapat responden yang terpaksa menanggung (selain daripada keluarga mereka sendiri iaitu anak-anak dan isteri) ibubapa serta adik-adik yang ada di kampung asal, dengan mengirimkan wang setiap

bulan. Walau bagaimanapun jumlah yang terlibat dalam kes sebegini tidak benar.

Walau bagaimanapun, potensi bagi keluarga peneroka untuk menjadi lebih besar adalah tinggi sekali kerana rata-rata usia peneroka suami isteri masih di peringkat muda dan subur. (Lihat Jadual 9 iaitu tentang umur suami dan isteri yang dikaji).

3.5 Umur Anak-Anak

Rata-rata umur anak-anak responden yang dikaji tergolong ke dalam peringkat masih kecil. Sebanyak 99% daripada kesemua anak-anak responden berusia di bawah 15 tahun. Di tahap umur yang sebegini biasanya anak-anak dianggap masih kecil. Sementara itu hanya 1% sahaja yang dapat digolongkan ke dalam kategori remaja iaitu anak yang berusia melebihi 15 tahun. Untuk melihat hal ini dengan lebih mendalam, sila rujuk jadual.

Jadual 13: Umur Anak-Anak Responden

Pembahagian Umur (Tahun)	Bilangan	%
0 - 5	54	56.3
6 - 10	27	28.1
11 - 15	14	14.6
Lebih dari 15	1	1.0
JUMLAH	96	100.0

Daripada jadual didapati sebanyak 56.3% dari kesemua anak-anak responden berumur antara 0 - 5 tahun. Manakala sebanyak 28.1% lagi berusia antara 6 - 10 tahun. Selebihnya iaitu 14.6% berumur antara 11 - 15 tahun dan 1% lagi berusia lebih daripada 15 tahun. Dari segi umur yang sebegini muda dapat dibuat suatu rumusan bahawa kesemua anak-anak responden yang terlibat dalam kajian, belum layak untuk berdikari. Dengan itu secara tidak langsung, mereka tidak dapat menyumbangkan sebarang bentuk sumbangan ekonomi kepada keluarga peneroka. Lumrahnya, di tahap usia sebegini anak-anak masih lagi berada di bangku persekolahan baik rendah mahupun menengah. Dalam Jadual 14 di bawah mengenai tingkat pelajaran anak-anak responden, dapat dilihat akan kedudukan persekolah mereka.

Jadual 14: Tingkat Pelajaran Anak-Anak Responden

Tingkat Pelajaran	Bilangan	%
Tingkatan 5	1	1.0
Tingkatan 4	-	-
Tingkatan 3	1	1.0
Tingkatan 2	2	2.1
Tingkatan 1	3	3.1
Darjah 6	4	4.1
Darjah 5	4	4.1
Darjah 4	5	5.2
Darjah 3	3	3.1
Darjah 2	8	8.3
Darjah 1	6	6.3
Belum Bersekolah	59	61.5
JUMLAH	96	100.0

Daripada Jadual 14 didapati hanya 7.2% anak-anak responden belajar di dalam sekolah menengah. Sementara sebanyak 31.3% lagi bersekolah di dalam sekolah rendah. Bagi anak-anak responden yang berada di peringkat sekolah menengah, mereka terpaksa bersekolah ke sekolah menengah di luar skim rancangan Lepar Hilir 1 khasnya di Kuantan yang terletak kira-kira 40 km jauhnya. Di sana mereka ditempatkan di asrama yang disediakan khas oleh pihak FELDA. Selain daripada itu terdapat juga responden yang menghantar anak-anak mereka bersekolah di tempat/kampung asal. Biasanya, dalam situasi sebegini anak-anak ditinggalkan bersama kaum keluarga yang rapat seperti bapa saudara serta datuk.

Begitu juga dengan anak-anak responden yang bersekolah rendah. Walaupun terdapat sebuah sekolah rendah di dalam rancangan iaitu Sekolah Kebangsaan FELDA Lepar Hilir 1, namun masih kedapatan responden yang menghantar anak-anak mereka tinggal di tempat asal. Penyebaran anak-anak responden mengikut umur dapat diperhatikan dalam Jadual 15.

Jadual 15: Penyebaran Anak-Anak Responden

Kelas Umur (Tahun)	Bil. Tinggal Di Rancangan	%	Bil. Yang Tinggal Di Luar	%
0 - 5	53	62.4	1	9.1
6 - 10	26	30.6	1	9.1
11 - 15	6	7.0	8	72.7
Lebih dari 15	-	-	11	9.1
JUMLAH	85	100.0	11	100.0

Dengan berpandukan Jadual 15 didapati sebanyak 88.5% iaitu seramai 85 orang dari 96 orang anak responden yang dikaji tinggal bersama-sama dengan peneroka. Sebilangan besar anak-anak yang tinggal bersama peneroka berusia antara 0 - 5 tahun. Sebanyak 30.6% berumur di antara 6 - 10 tahun dan selebihnya iaitu 7% lagi berumur antara 11 - 15 tahun. Selain daripada itu, atas sebab masalah persekolahan dan juga ekonomi, didapati sebanyak 11.5% (11 orang) dari kesemua anak responden, tidak tinggal bersama iaitu mereka tinggal di luar rancangan Lepar Hilir 1. Peratusan yang besar (72.7%) daripada anak-anak peneroka tersebut yang tinggal di luar, berusia antara 11 - 15 tahun. Ini tidak menghairankan kerana di peringkat umur ini mereka berada di dalam sekolah menengah. Oleh kerana itu mereka terpaksa tinggal di luar rancangan.

3.6 Bentuk Rumahtangga

Setelah melihat serta mengkaji akan kedudukan bilangan ahli setiap keluarga responden, maka dengan secara tidak langsung dapat pula diperhatikan bentuk rumahtangga. Apa yang ingin dibicarakan di sini ialah mengenai samada satu-satu keluarga responden itu tergolong ke dalam kategori keluarga asas (nuclear family) ataupun keluarga besar (extended family). Yang dimaksudkan dengan keluarga asas adalah 'social units comprising a man and woman living together with their children', manakala keluarga besar pula 'a social unit comprising parents and children and other more distant relatives, perhaps including grandparents or uncles and aunts, living under one roof'.

(The Penguin, Dictionary of Sociology; 145: 87).

Daripada definisi di atas dapat dibuat suatu generalisasi bahawa keluarga-keluarga di rancangan Lepar Hilir 1 mempunyai keluarga yang berbentuk keluarga asas. Daripada kajian serta analisa ke atas responden, didapati tiada pun keluarga yang mempunyai lain-lain keluarga selain dari isteri dan anak-anak yang tinggal di bawah satu bumbung. Keadaan ini mungkin timbul kerana beberapa faktor seperti keadaan ekonomi dan juga sosial. Dari segi ekonomi misalnya, responden masih lagi bergantung kepada wang sarahidup serta pendapatan dari kerja luar. Ini dirasakan menghalang daripada terbinanya keluarga besar. Begitu juga dari segi sosial di mana sebagai sebuah rancangan yang agak baru maka sudah tentu keadaan prasarananya tidak cukup memuaskan, berbanding dengan tempat asal. Faktor ini juga mungkin menyebabkan lain-lain ahli keluarga tidak datang untuk tinggal bersama dengan responden. Ataupun responden sendiri yang tidak mengundang mereka untuk tinggal bersama-sama, atas alasan kewangan juga tempat tinggal.

3.7 Kedudukan Sosio-Ekonomi Sebelum Memasuki Rancangan

Dalam rangka melihat sebab-sebab mengapa responden menyertai rancangan serta mengapa mereka melakukan kerja-kerja sampingan adalah difikirkan perlu dilihat sepantas lalu akan latarbelakang sosio-ekonomi mereka menyertai skim rancangan FELDA. Setelah itu barulah dapat suatu gambaran yang jelas tentang persoalan-persoalan di atas.

Jadual 16: Pekerjaan Responden Sebelum Menyertai Rancangan

Jenis Pekerjaan	Bil.	%
Tentera	1	3.3
Kerja Kilang	6	20.0
Buruh	4	13.4
Kerja Kampung	1	3.3
Konduktor Bas	1	3.3
Menoreh Getah	3	10.0
Bersawah	7	23.3
Berniaga	4	13.4
Pemandu	3	10.0
JUMLAH	30	100.0

Jadual 17: Pendapatan Responden Sebelum Menyertai Rancangan

Mengenai pekerjaan responden sebelum menyertai skim rancangan PELDA Lepar Hilir 1, boleh dikatakan hanya segelintir sahaja yang memegang jawatan dengan Jabatan Kerajaan seperti tentera, buruh dan juga pemandu. Ketiga-tiga pekerjaan di atas melibatkan peratusan yang agak kecil iaitu 26.7%. Manakala responden lain terlibat dalam kerja-kerja di luar daripada Jabatan Kerajaan. Golongan ini merupakan golongan yang terbesar yang menyertai skim rancangan ini, iaitu sebanyak 73.3%.

Lebih dari 600

Daripada jadual juga didapati peratusan besar responden yang menyertai rancangan Lepar Hilir 1 adalah bekas pesawah (23.3%) dan

pekerja kilang (20%). Lain-lain pekerjaan yang dilakukan oleh responden sebelum memasuki rancangan ialah tentera (3.3%), buruh (13.4%), kerja kampung (3.3%), konduktor bas (3.3%), menoreh getah (10%), bermiaga (13.4%) dan juga pemandu (10%). Jadual di atas juga menunjukkan kepelbagaian pekerjaan yang dijalankan oleh responden sebelum mereka menukar haluan menjadi peneroka rancangan FELDA.

Adalah menarik untuk melihat akan kedudukan pendapatan responden sebelum mereka menyertai rancangan. Dikatakan menarik kerana peratusan yang begitu besar yang menyertai rancangan Lepar Hilir 1, adalah atas dasar ingin menambah ataupun mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. (Lihat jadual mengenai pendapatan responden sebelum memasuki rancangan).

Jadual 17: Pendapatan Responden Sebelum Memasuki Rancangan

Pendapatan Sebulan (\$)	Bil.	%
Kurang dari 100	2	6.7
101 - 200	7	23.3
201 - 300	11	36.7
301 - 400	4	13.3
401 - 500	4	13.3
501 - 600	-	-
Lebih dari 600	2	6.7
JUMLAH	30	100.0

Jadual 17 memaparkan dengan jelas dan terang akan hakikat kenyataan bahawa majoriti peneroka yang dikaji memilih untuk menjadi peneroka atas dasar memperbaiki pendapatan serta taraf hidup mereka. Kenyataan ini disokong oleh pendapatan yang diterima oleh responden sebelum mereka menyertai rancangan yang secara puratanya adalah rendah.

Dapat dilihat sebanyak 36.7% daripada keseluruhan responden yang dikaji memperolehi pendapatan bulanan antara \$201 - \$300. Ini diikuti oleh responden yang berpendapatan antara \$101 - \$200 sebulan iaitu sebanyak 23.3%. Sementara 6.7% berpendapatan kurang daripada \$100 sebulan. Selebihnya, 13.3% mendapat antara \$301 - \$400 sebulan, 13.3% memperolehi antara \$401 - \$500 sebulan. Tetapi yang agak menarik di sini ialah adanya sebilangan peneroka yang terlibat dalam kajian yang berpendapatan lebih daripada \$600 sebulan. Peratusannya walau bagaimanapun adalah kecil jika dibandingkan dengan yang berpendapatan rendah iaitu sebanyak 6.7% sahaja. Apa yang menarik perhatian pengkaji ialah kesediaan serta kesanggupan mereka (iaitu yang dahulunya memperolehi pendapatan yang agak tinggi sebelum memasuki rancangan) meninggalkan kerja demi untuk menyertai rancangan FELDA. Responden-responden yang dimaksudkan sebelum memasuki rancangan bekerja sebagai pemandu bas dan peniaga (street-stall). Bagi mereka ini sudah tentu harapan serta jangkaan mereka ke atas kemampuan rancangan FELDA dalam mempertingkatkan lagi taraf hidup begitu tinggi sekali jika sekiranya dilandaskan dengan pengorbanan yang telah mereka berikan.

Penelitian ke atas aspek sosio-ekonomi masih kurang lengkap selagi tidak membincarakan tentang pemilikan harta responden sebelum mereka menyertai rancangan. Dengan melihat kepada keadaan kedudukan harta responden sebelum mereka menjadi peneroka maka secara tidak langsung dapat dibuat suatu rumusan ke atas sebab-sebab mengapa responden memilih untuk menyertai rancangan FELDA, selain dari sebab ingin menambah pendapatan. Apa yang dapat dirumuskan adalah bahawa kesemua responden yang terlibat tidak mempunyai tanah ataupun memilikinya tetapi pada kadar yang tidak ekonomik iaitu kurang daripada 8 ekar. Faktor ketiadaan tanah atau pemilikan tanah yang tidak ekonomik, mendorong responden untuk menyertai skim rancangan FELDA. Jadual 18 menunjukkan kedudukan hal ini.

B. Tanah Pusaka

Penelitian terhadap Jadual 18 memberikan gambaran yang jelas bahawa majoriti peneroka yang dikaji tidak mempunyai sebarang harta dalam bentuk tanah dan rumah. Hanya sebilangan kecil sahaja responden yang memiliki tanah baik tanah sendiri mahupun tanah pusaka. Walau bagaimanapun, saiz atau keluasan yang dimiliki adalah tidak ekonomik iaitu kurang daripada 8 ekar. Sebanyak 10% yang mempunyai tanah sendiri hanya memiliki keluasan yang kurang dari 2 ekar. Sementara 90% lagi tidak ada mempunyai sebarang harta tanah sendiri. Mengenai tanah pusaka pula, didapati 6.7% memiliki antara 1 - 2 ekar. Begitu juga dengan peratusan responden yang memiliki tanah pusaka antara 2 - 3 ekar (6.7%). Selebihnya iaitu sebanyak 86.6% lagi tidak mempunyai/memiliki apa-apa harta dalam bentuk tanah pusaka. Selain daripada tanah,

kesemua responden didapati tidak mempunyai sebarang rumah samada rumah sendiri ataupun rumah pusaka.

Jadual 18: Bilangan Responden Mengikut Harta Yang Dimiliki di Kampung Asal

Jenis Harta	Bil.	%
A. Tanah Sendiri		
Hanya Memiliki Petani Kebun	1	1.3
Kurang dari 1 ekar	1	3.3
Selain Sebab Lain	7	23.3
1 - 2	2	6.7
JUMLAH	30	100.0
Lebih dari 2	-	-
Tiada	27	90.0
JUMLAH	30	100.0
B. Tanah Pusaka		
Kurang dari 1 ekar	-	-
1 - 2	2	6.7
2 - 3	2	6.7
Tiada	26	86.6
JUMLAH	30	100.0
C. Rumah Sendiri		
Tiada	-	-
D. Rumah Pusaka		
Tiada	-	-

Itu sebabnya 23.3% lagi menyatai rancangan atau sebab-sebab lain seperti ingin tempat tinggal yang tetap untuk berjaya, ingin mencari corak juga gaya hidup yang baru dan terdapat juga yang menyatai rancangan atau sebab ketiduan hartा di kampung. Jadi bagi menambah kepuasannya masing-masing di atas maka mereka mengambil

3.8 Sebab-Sebab Menyertai Rancangan

Jadual 19: Sebab-Sebab Menyertai Rancangan

Sebab-Sebab	Bil.	%
Hendak Meninggikan Pendapatan	18	60.0
Hendak Memiliki Tanah	4	13.3
Hendak Menjadi Petani Mahir	1	3.3
Sebab-Sebab Lain	7	23.4
JUMLAH	30	100.0

Jelas sekali majoriti responden yang dikaji memperhitungkan soal ekonomi (pendapatan) dalam membuat keputusan bagi menyertai skim rancangan FELDA. Sebanyak 60% daripada responden termasuk ke dalam kategori ini. Mereka berharap dengan memasuki rancangan tanah FELDA, akan dapat mengubah tingkat pendapatan mereka ke tahap yang lebih baik dari sebelumnya. Juga seterusnya peningkatan di dalam pendapatan akan memperbaiki taraf hidup mereka sekeluarga. Gambaran serta 'expectations' ini mungkin timbul daripada pemerhatian mereka (responden) ke atas peneroka-peneroka sebelumnya yang berjaya.

Sementara itu sebanyak 23.3% lagi menyertai rancangan atas sebab-sebab lain seperti inginkan tempat tinggal yang tetap serta terjamin, ingin mencuba corak juga gaya hidup yang baru dan terdapat juga yang menyertai rancangan atas sebab ketiadaan harta di kampung. Jadi bagi memenuhi tujuan masing-masing di atas maka mereka mengambil

keputusan untuk menjadi peneroka FELDA. Selain dari itu kedapatan responden yang menyertai rancangan atas sebab-sebab hendak memiliki tanah (13.3%) dan ingin menjadi petani mahir (3.3%).

4.3. Kewarganegaraan

Pada soal kali ini, seluruh responden mendapat jalin-jalin kerja kompleks yang diwujudkan oleh responden adalah apa yang ketika akhirnya mereka dan jenis kerja mereka berkompleks itu memerlukan kualifikasi teknik serta pengalaman kerjanya sendiri. Kegiatan kerja kompleks yang tidak diwujudkan oleh responden adalah

- (a) Berdiri
- (b) Berdiri
- (c) Berdiri
- (d) Berdiri
- (e) Berdiri

Walaupun bukanlah perkiraan lagi bahawa terdapat beberapa jenis kerja kompleks yang mendapat diwujudkan oleh responden yang tidak termasuk dalam kategori sebagai responden. Pekerjaan lain iaitu seperti penjaja buah, menjual komoditi lain, bertukang amandai rokok makmur periset, guru agama dan guru Bahasa Inggeris. Pekerjaan ke atas kalian-kian pengetahuan di atas sejatinya. Sebenarnya mungkin kerana pelbagai lulusan hanya dilaksanakan dan teknik pengetahuan di kalian-kian pengetahuan.

4.3(a) Berdiri

Pekerjaan kerja kompleks bagi ke dua-dua responden merupakan

BAB IV

PEKERJAAN SAMPINGAN

Kajian ini akan membincangkan tentang pelbagai jenis kerja sampingan.

4.1 Pendahuluan

Perbincangan di dalam bab ini akan menyentuh mengenai jenis-jenis kerja sampingan yang dilakukan oleh responden sahaja. Apa yang ketara adalah kewujudan dua jenis kerja samada kerja sampingan itu memerlukan kemahiran khusus serta pengalaman atau kerja buruh. Kerja-kerja sampingan yang akan dibincarakan di sini ialah:

- (a) Buruh
- (b) Berniaga
- (c) Kontraktor
- (d) Bengkel Motor
- (e) Pemandu

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa terdapat beberapa jenis kerja lagi yang kedapat dilakukan oleh peneroka iaitu peneroka yang tidak terlibat di dalam kajian sebagai responden. Pekerjaan lain ialah menjual ikan, menjual suratkhabar, bertukang samada rumah mahupun perabot, guru agama dan juga 'motor sapu'. Pemilihan ke atas kelima-lima pekerjaan di atas sebagai bahan kajian adalah kerana kelimanya lebih banyak dilakukan dan lebih popular di kalangan peneroka.

4.1(a) Buruh Blok 1 dan 5 masing-masing sebanyak 18.2%. Bagi blok 2 dan 4 sebanyak 7 peratusnya sekali punya dalam kerja pertambuhan.

Pekerjaan buruh melibatkan begitu ramai sekali responden. Masing-masing sebanyak 13.8%.

Kajian ke atas keenam-enam blok sampel menunjukkan seramai 22 responden iaitu sebanyak 73.3% daripada keseluruhan responden melakukannya.

Wujudnya keadaan ini mungkin disebabkan kerja buruh lebih senang serta banyak pula permintaan terhadapnya berbanding dengan lain-lain pekerjaan. Di samping itu, kerja-kerja perburuhan tidak memerlukan sebarang bentuk modal, kemahiran atau pengalaman. Begitu juga dengan keadaan pasarananya di mana keluar masuk pekerja amat mudah serta simpel. Mengenai bilangan peneroka yang melakukan kerja buruh sebagai kerja sambilan mereka, sila lihat Jadual 20.

(ii) Buruh Kilang MARSEC

Jadual 20: Bilangan Responden Yang Bekerja Buruh

Blok	Bilangan	%
1	4	18.2
2	3	13.6
4	3	13.6
5	4	18.2
6	5	22.8
7	3	13.6
JUMLAH	22	100.0

ditegati 4.5% (1 orang) sahaja yang bekerja sebagai sarjan pejabat.

Daripada jadual didapati penyertaan ahli-ahli blok 6 di dalam kerja perburuhan adalah yang paling tinggi sekali iaitu sebanyak 22.8%. Sementara bagi blok 1 dan 5 masing-masing sebanyak 18.2%. Bagi blok 2 dan 4 serta 7 peratusan penyertaan ahlinya dalam kerja perburuhan masing-masing sebanyak 13.6%.

(i) Buruh Ladang

Kerja-kerja yang terlibat adalah dalam bentuk di luar rancangan.

Biasanya buruh dalam kategori buruh ladang adalah merupakan hasil kajian sebahagian besar kerja-kerja yang dilakukan bukan buruh kerja-kerja kontrak ladang. Mereka bekerja dengan kontraktor baik yang terdiri daripada peserta rancangan Lepar Hilir 1 sendiri ataupun kontraktor asing. Dari seramai 22 responden yang bekerja sebagai buruh didapati sebanyak 86.4% (19 orang) adalah buruh ladang. Kerja-kerja yang terlibat biasanya bersangkutan dengan kerja penjagaan ladang seperti menebas, membaja, meracun dan lain-lain lagi.

(ii) Buruh Kilang MARDEC

Dalam pekerjaan yang bersangkutan paut dengan kilang MARDEC, didapati peratusan yang terlibat tidak banyak. Hasil kajian menunjukkan hanya 2 orang (9.1%) sahaja yang mengerjakannya. Ini mungkin disebabkan penawaran kerja buruh di kilang MARDEC begitu terhad dan keadaan pasaran buruhnya agak terkawal.

(iii) Buruh Pejabat

Yang mengertikan dengan buruh pejabat ialah kerja buruh di pejabat FELDA Lepar Hilir 1. Dari keseluruhan peneroka yang dikaji didapati 4.5% (1 orang) sahaja yang bekerja sebagai buruh pejabat bukis seluruhnya dalam zoncengen. Kondisi ini mungkin tiabai kerana iaitu sebagai jaga.

4.1(b) Tempat Kerja

Apa yang dimaksudkan dengan tempat kerja adalah taburan sejauh lagi di dalam rancangan. Seperti namanya zoncengen

tempat-tempat di mana peneroka yang bekerja sebagai buruh mengerjakan kerja-kerja mereka iaitu samada di dalam ataupun di luar rancangan.

Hasil kajian mendapati majoriti peneroka mengerjakan kerja-kerja buruh di luar daripada rancangan. Terdapat beberapa tempat yang menjadi tumpuan peneroka bekerja di luar iaitu di FELDA Lepar Hilir 2, Lepar Hilir 3 dan Lepar Hilir 5. Sementara buruh kilang pula bekerja di kilang MARDEC, Gambang. Kedapatan juga peneroka yang bekerja sebagai buruh ladang di salah sebuah ladang berdekatan dengan Gambang. Untuk lebih lanjut mengenai taburan tempat kerja, lihat Jadual 21.

Jadual 21: Taburan Tempat Kerja Samada Di Dalam Atau Luar Rancangan

Tempat Kerja	Bilangan	%
Dalam Rancangan	4	18.2
Luar Rancangan	18	81.8
JUMLAH	22	100.0

Berpandukan Jadual 21 mengenai taburan tempat kerja didapati 81.8% responden yang membuat kerja buruh melakukannya di luar dari rancangan Lepar Hilir 1. Hanya 18.2% sahaja peneroka yang bekerja buruh melakukannya dalam rancangan. Keadaan ini mungkin timbul kerana rancangan FELDA yang berdekatan masih lagi di tahap memasukkan para peneroka dan ini menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada peneroka Lepar Hilir 1. Terdapat juga rancangan FELDA iaitu Lepar Hilir 5 yang masih lagi di dalam tahap permulaan. Sepertimana kelazimannya rancangan

FELDA yang masih di awal fasa pembukaan menyediakan peluang pekerjaan yang begitu banyak bagi kerja-kerja buruh.

4.1(c) Waktu Kerja

Bagi buruh-buruh ladang waktu kerja mereka bermula dari jam 8 pagi hingga ke pukul 5 petang. Walau bagaimanapun, hari-hari kerja tidak ditetapkan seperti kerja pejabat. Hal ini dimungkinkan oleh cara pembayaran upah berdasarkan gaji hari. Sementara bagi buruh kilang dan pejabat, mereka terikat dengan waktu kerja yang telah ditetapkan baik oleh kilang maupun pejabat. Kerja-kerja di kilang pemerosesan getah MARDEC terbahagi kepada tiga syif iaitu 8 pagi hingga 4 petang, 4 petang hingga 12 malam dan 12 malam hingga 8 pagi. Buruh kilang juga separtimana buruh ladang dibayar mengikut asas gaji hari. Berbeza dengan kedua-dua kerja buruh di atas, buruh pejabat dibayar berdasarkan gaji bulan. Waktu kerjanya pula bermula dari jam 6 petang hingga 6 pagi.

Kedua-dua buruh ladang dan kilang yang dibayar secara gaji hari berdasarkan kepada jumlah hari seseorang itu bekerja, menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan di dalam pendapatan. Ketidakseimbangan ini berpunca daripada cepat atau lambatnya peneroka menyudahkan kerja-kerja di ladang masing-masing. Ini kerana syarat yang dikenakan bagi peneroka yang ingin melakukan kerja luar mestilah terlebih dahulu membereskan kerja ladang mereka. Semakin cepat kerja ladang disiapkan maka semakin cepatlah pula peluang untuk membuat kerja sambilan.

4.1(d) Pendapatan

A orang ini ialah 38.2% bagi responden pendapatan bersih antara \$101 - \$150. Pendapatan bulanan yang diterima oleh ketiga-tiga kategori sebulan. Selain itu, responden yang mendapat pendapatan bersih antara \$151 - \$200 ialah 31.8%. Pendapatan bulanannya berbeza-beza kerana jumlah kong mereka. Bagi buruh ladang mereka dibayar berdasarkan jumlah kong mereka. Setiap sehari kerja penuh, mereka dibayar satu kong. Setiap kong pula berlainan nilainya, bergantung kepada jenis kerja yang dibuat dan 'seniority' iaitu jangkamasa bekerja samada sudah lama atau baru. Pengiraan secara kong hanya melibatkan kerja buruh ladang sahaja. Dalam hal kerja kilang, ganjaran upah dibuat atas kiraan hari bekerja. Bagi buruh pejabat pula, mereka lebih bernasib baik kerana dibayar secara gaji bulan. Untuk melihat corak pendapatan yang diperolehi oleh buruh, sila lihat Jadual di bawah.

Jadual 22: Pendapatan Bersih Buruh Dalam Sebulan

Pendapatan Sebulan (\$)	Bil.	%
50 - 100	6	27.3
101 - 150	4	18.2
151 - 200	7	31.8
201 - 250	-	-
251 - 300	5	22.7
Lebih dari 301	-	-
JUMLAH	22	100.0

Ingatlah bahawa responden yang termasuk dalam kategori pendapatan bersih antara \$151 - \$200 ialah 31.8%.

Jadual 22 menunjukkan sebanyak 31.8% dari 22 responden yang bekerja buruh menerima pendapatan bersih sebanyak antara \$151 - \$200.

sebulan. Sebanyak 27.3% mendapat antara \$50 - \$100 sebulan. Sementara 4 orang iaitu 18.2% lagi menerima pendapatan bersih antara \$101 - \$150 sebulan. Selebihnya, sebanyak 22.7% memperolehi antara \$251 - \$300 sebulan.

4.2 Berniaga

Corak perniagaan yang diambil kira di dalam pembicaraan mengenai kegiatan bermiaga ialah meniaga runcit dan meniaga di kantin sekolah. Penglibatan peneroka dalam bidang perniagaan di semua blok yang dikaji begitu rendah sekali. Hal ini mungkin bersangkut paut dengan faktor modal dan pengalaman. Apa yang jelas, ketiga-tiga peneroka yang melibatkan diri mereka ke dalam kegiatan meniaga sudah pun berpengalaman dalam selok belok bermiaga. Jadi penglibatan mereka sekadar menyambung kerja-kerja yang pernah dan telah mereka lakukan sebelum menyertai rancangan. Soal pengendalian perjalanan kedai ataupun perniagaan tidak menimbulkan sebarang masalah bagi mereka.

Daripada kajian ke atas keenam-enam blok didapati hanya tiga orang sahaja yang menjalankan kegiatan bermiaga. Mereka yang melakukannya adalah dari blok-blok 4, 5 dan 7 (dua darinya meniaga runcit dan seorang lagi mengusahakan kantin sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Lepar Hilir 1).

Kesemua kegiatan perniagaan dijalankan di dalam kawasan runcit, penjajaan atau di dalam rumah. Bagi peniaga runcit yang terbabit dalam kajian didapati mereka menjalankan perniagaan mereka di premis berhampiran dengan rumah. Sementara pengusaha kantin sekolah sebagaimana biasa menjalankan urusan

niaganya di bangunan yang dikhaskan di dalam kawasan sekolah.

4.2(a) Modal

Bagi menjalankan sesuatu usaha perniagaan baik besar ataupun kecil, modal adalah diperlukan. Modal berperanan penting dalam menentukan kejayaan perniagaan yang bakal dijalankan atau diusahakan. Terdapat dua jenis modal iaitu modal tetap dan modal pusingan. Apa yang diperolehi hasil dari kajian menunjukkan bahawa kesemua peneroka yang meniaga mengusahakannya secara kecil-kecilan sahaja. Oleh kerana itu, penglibatan modal khususnya modal pusingan tidak begitu banyak. Ketiga-tiga peneroka yang berniaga didapati memulakan perniagaan mereka dengan hanya bermodalkan wang simpanan mereka.

4.2(b) Pendapatan

Pendapatan yang diperolehi oleh peneroka yang meniaga runcit adalah agak jauh berbeza dengan peneroka yang mengusahakan kantin sekolah. Corak perdapatan bersih bulanan yang diterima oleh masing-masing dapat dilihat daripada Jadual 23.

Daripada Jadual 23 didapati peniaga-peniaga yang mengusahakan kedai runcit memperolehi pendapatan bersih bulanan yang agak rendah berbanding dengan peniaga kantin sekolah. Bagi sebanyak 33.3% peniaga runcit, pendapatan bersihnya sebulan hanya antara \$101 - \$150. Sementara 33.3% lagi (runcit) mendapat antara \$251 - \$300 sebulan.

Peneroka yang melibatkan diri di dalam urusan meniaga di kantin

sekolah didapati memperolehi pendapatan melebihi \$301 sebulan.

Perbezaan pendapatan bulanan yang diterima oleh peniaga runcit dan peniaga kantin sekolah bertitik-tolak daripada keadaan pasaran di mana peniaga runcit mempunyai saingan walhal peniaga kantin sekolah memonopoli urusan niaganya.

Jadual 23: Pendapatan Bersih Peniaga Yang Dikaji Sebulan

Pendapatan Sebulan (\$)	Bil.	%
Kurang dari 100	-	-
101 - 150	1	33.3
151 - 200	-	-
201 - 250	-	-
251 - 300	1	33.3
Lebih dari 301	1	33.3
JUMLAH	3	

dari 30 responden yang melaksana diri mereka ke dalam negelaran

Mengenai tenaga pekerja yang membantu peniaga-peniaga dalam urusan harian mereka, didapati kesemuanya terdiri daripada isteri-isteri peniaga sendiri. Tidak kedapatan peniaga yang menggunakan tenaga pekerja dari kalangan anak-anak mereka. Keadaan ini disebabkan oleh usia anak-anak peneroka amnya dan peniaga khasnya masih lagi dalam lingkungan kanak-kanak. Begitu juga tiada peniaga yang mengupah orang-orang lain sebagai pembantu kedai/kantin. Ekoran dari itu, peniaga secara tidak langsung dapat menjimatkan wang. Selainnya pula,

sebarang masalah yang timbul segera diatasi kerana iaanya tidak melibatkan orang luar.

4.3 Bengkel Motor

Kajian pengkaji ke atas enam blok sampel mempamerkan suatu keadaan di mana kerja-kerja sampingan yang memerlukan pengalaman serta modal mempunyai kadar penyertaan yang rendah. Begitulah halnya berlaku kepada kerja-kerja mengusahakan bengkel motor. Kerja per-bengkelan seperti juga dengan berniaga, dijalankan di premis tambahan berdekatan dengan rumah. Biasanya premis tambahan tersebut didirikan dengan menokok tambah bahagian tepi rumah. Di sinilah mereka menjalankan kerja-kerja membaiki motor. Namun begitu, terdapat juga peneroka (selain dari responden) yang menjalankan kerja perbengkelan di tempat iaitu bangunan yang dibina oleh pihak FELDA Lepar Hilir 1.

Hasil kajian menunjukkan hanya dua orang iaitu 6.7% sahaja dari 30 responden yang melibatkan diri mereka ke dalam kegiatan mengusahakan bengkel. Kedua-dua peneroka tersebut masing-masing adalah dari blok 1 dan 2.

Perkara yang menarik perhatian pengkaji ialah penglibatan peneroka ke dalam bidang perbengkelan ini adalah merupakan pengalaman pertama mereka. Sebelum ini mereka tidak melibatkan atau terlibat dengan kerja tersebut secara langsung dan aktif. Tetapi atas sedikit pengetahuan yang ada serta keinginan dan semangat yang kuat telah berjaya mendorong mereka melakukannya. Sikap ingin mencuba ini

menggambarkan suatu keadaan yang begitu positif ke arah pembentukan masyarakat yang dinamis.

4.3(a) Alat Ganti

Biasanya Oleh kerana usaha perbengkelan yang mereka jalankan adalah secara kecil-kecilan maka stok barang gantian juga tidak banyak. Biasanya, stok yang ada hanya cukup untuk kerosakan yang kecil sahaja. Sebarang kerosakan yang agak teruk yang memerlukan motosikal di 'overhaul' menyebabkan pengusaha bengkel terpaksa keluar rancangan bagi mendapatkan alat-alat ganti. Biasanya alat gantian didapati daripada kedai motor di pekan Gambang. Kadangkala mereka (peneroka yang mengusahakan bengkel) terpaksa keluar hingga ke bandar Kuantan. Kurangnya stok bagi alat gantian adalah berpunca daripada kekurangan modal pusingan. Ini kerana kedua-dua peneroka yang menjalankan usaha perbengkelan di blok-blok kajian hanya bergantung kepada wang simpanan peribadi sebagai modal.

4.3(b) Pendapatan

Dari segi pendapatan bersih bulanan yang diterima oleh peneroka yang mengusahakan kerja bengkel tidaklah begitu tinggi.

Seorang daripada dua peneroka yang menjalankan usaha ini memperolehi pendapatan bulanan kurang dari \$100. Sementara seorang lagi mendapat antara \$101 - \$150 sebulan. Kadar ini sememangnya berpatutan kerana keadaan kedatangan pelanggan yang tidak berterusan setiap hari.

Soal yang sering dihadapi oleh pengusaha bengkel ialah persoalan hutang. Pelanggan-pelanggan didapati sering menundakan bayaran. Ini tidaklah menghairankan kerana kebanyakan pelanggan tidak mempunyai 'wang tunai' bagi menghadapi keadaan seperti ini. Biasanya 'wang tunai' yang ada diperuntukkan kepada lain-lain keperluan yang lebih penting. Keadaan hutang ini menyebabkan perjalanan bengkel agak lembab kerana ketiadaan modal pusingan.

4.4 Kontraktor

Sepertimana yang diketahui, pihak FELDA sentiasa dari masa ke semasa memberikan galakan serta peluang kepada peserta-peserta rancangan untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan menceburi berbagai bidang kegiatan ekonomi. Antara berbagai usaha yang digalakkan dan disediakan oleh pihak FELDA ialah kerja mengambil kontrak. Kerja-kerja kontrak yang dimaksudkan melibatkan kerja-kerja yang telah begitu biasa bagi peserta-peserta iaitu kerja kontrak tebas tebang, mencuci rumput termasuk meracun, dan kerja-kerja pengawalan ladang seperti kontrak membaja, membuang tunas liar, membaiki jalan pertanian dan seumpamanya lagi.

Walau bagaimanapun, kajian ke atas 6 blok kajian menunjukkan hanya segelintir kecil sahaja peserta yang sanggup melibatkan diri ke dalam kerja-kerja mengambil kontrak ini. Apa yang menyebabkan keadaan penglibatan yang agak lembab mungkin bertitik-tolak dari keengganan peserta-peserta menanggung sebarang risiko yang berke-

mungkin besar membawa kepada kerugian. Selain dari itu, sikap tidak berani mencuba sesuatu yang baru serta ketiadaan keyakinan atas diri sendiri mungkin turut memainkan peranannya dalam hal ini.

Dari enam blok sampel didapati hanya 2 orang (6.7%) sahaja peserta yang menjadi kontraktor kepada kerja-kerja kontrak yang disediakan oleh pihak FELDA. Kedua-dua peserta tersebut masing-masing merupakan ketua blok 4 dan blok 7. Bagi mengusahakan satu-satu projek yang mereka ambil biasanya para kontraktor tidak mengeluarkan sebarang modal. Biasanya para kontraktor membayar upah para pekerja-pekerjanya setelah siap satu-satu kerja kontrak dan setelah menerima bayaran daripada pihak FELDA. Dengan cara ini kontraktor-kontraktor tidak memerlukan sebarang bentuk modal khususnya wang.

Dalam aspek tenaga kerja, para kontraktor tidak mengalami apa-apa masalah kerana terdapat begitu banyak tenaga buruh upahan di rancangan. Biasanya para kontraktor mengupah serta mengambil tenaga pekerjanya berdasarkan keperluan satu-satu projek.

4.4(a) Pendapatan

Sebenarnya, pendapatan seseorang kontraktor bergantung pada berapa banyak tawaran kontrak yang berjaya diperolehinya. Bagi mendapatkan satu-satu projek ataupun tender para kontraktor terpaksa bersaing antara satu sama lain dalam meletakkan harga. Sepertimana biasa kontraktor yang paling rendah sebut harganya akan berjaya mendapatkan satu-satu tender projek. Di sinilah letaknya

kebijaksanaan kontraktor kerana dalam meletakkan harga tersebut berbagai perkiraan perlu dibuat. Salah perhitungan akan mengakibatkan kerugian.

Corak pendapatan yang diperolehi oleh kontraktor adalah begitu memuaskan sekali. Ini kerana secara puratanya setiap kontraktor memperolehi lebih dari \$500 sebulan. Dari analisa didapati salah seorang daripada kontraktor yang dijadikan sampel mendapat antara \$501 - \$750 sebulan. Sementara seorang lagi mendapat antara \$751 - \$1000 sebulan. Dilihat dari segi pendapatan bersih bulanan para kontraktor di atas maka dapat dibuat suatu generalisasi bahawa gaya serta taraf hidup yang agak tinggi jika dibandingkan dengan lain-lain peneroka yang terlibat dalam lain-lain kerja sambilan di rancangan.

Walau bagaimanapun, kedudukan pendapatan kontraktor tidaklah sentiasa konsisten sepanjang tahun. Dengan kata-kata lain, mereka tidak sentiasa berjaya mendapatkan setiap tender yang dikeluarkan oleh pihak FELDA. Ini kerana wujudnya persaingan dengan lain-lain kontraktor yang ada di rancangan.

4.5 Pemandu

Pekerjaan sambilan yang akhir sekali yang akan dibincangkan ialah kerja sebagai pemandu. Secara keseluruhannya, penglibatan peserta-peserta dalam kegiatan ini adalah agak sederhana. Terdapat lebih kurang lima belas peserta-peserta di rancangan ini yang terlibat dalam kegiatan kerja memandu. Kegiatan ini mencakupi kerja sebagai

pemandu lori, kereta dan juga motor sapu. Kegiatan motor sapu merupakan suatu fenomena yang biasa bagi mana-mana rancangan tanah FELDA khasnya tanah FELDA yang agak baru seperti mana Lepar Hilir 1. Lazimnya kegiatan motor sapu ini beroperasi di pintu-pintu masuk satu-satu rancangan. Bayarannya pula bergantung kepada jauh atau dekatnya perjalanan masuk.

Walau bagaimanapun, peratusan peserta yang termasuk dalam kategori pemandu yang dikaji adalah rendah sekali. Daripada enam blok kajian didapati hanya seorang sahaja yang terlibat dalam kerja memandu. Responden yang dikaji pernah bekerja sebagai pemandu ketika berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia sebelum menyertai rancangan. Jadi kerja memandu tidak menjadi sebarang masalah baginya. Apa yang agak menarik ialah responden yang terlibat itu sendiri tidak mempunyai sebarang kenderaan. Beliau cuma sekadar mengambil upah memandu kereta peserta lain yang secara kebetulan tidak berdaya untuk membuat perjalanan yang jauh.

Dari segi pendapatan, pemandu yang terlibat dalam kajian terpaksa berkongsi dengan tuan punya kereta. Ini menjelaskan pendapatannya. Secara purata responden yang melakukan kegiatan ini memperolehi kurang daripada \$100 sebulan. Pelanggan-pelanggan biasanya terdiri daripada peserta-peserta rancangan sendiri yang memerlukan kereta sewa untuk balik ke kampung mereka. Lazimnya peserta-peserta memerlukan perkhidmatan kereta sewa apabila timbul atau ada perkara-perkara mustahak di kampung. Jadi kadar mereka yang menyewa adalah

agak terhad. Keadaan ini turut membatasi pendapatan pemandu tersebut.

4.6 Sebab-Sebab Melakukan Kerja Sampingan

Terdapat dua sebab yang agak menonjol dalam mendorong peserta-peserta di rancangan ini melakukan kerja-kerja sampingan iaitu pendapatan tetap yang rendah dan rangka kerja ladang yang longgar. Kedua faktor ini begitu berkaitan rapat kerana atas sebab pendapatan tetap yang rendah maka para peserta terpaksa membuat kerja-kerja luar. Keadaan ini dimungkinkan pula oleh rangka kerja ladang yang longgar. Di samping itu, terdapat lain-lain faktor yang turut berperanan dalam menggalakkan peserta-peserta berkecimpung melakukan kerja sambilan.

4.6(a) Pendapatan Tetap Yang Rendah

Sebagaimana yang dimaklumkan bahawa rancangan Lepar Hilir 1 masih lagi belum menghasilkan sebarang pengeluaran. Dengan kata-kata lain, tanamannya masih belum matang. Dalam jangka waktu menunggu pengeluaran hasil para pesertanya diberikan elaun sara hidup sebanyak \$175 sebulan. Pemberian elaun sara hidup ini bertujuan untuk membantu peserta-peserta dalam menghadapi hidup sehari-hari mereka.¹

¹ Mengenai bantuan sara hidup ini sila lihat FELDA: 21 Years of Land Development, Tunku Shamsul Bahrain dan P.D.A. Parera. Antara lain dinyatakan:

The selected settlers come into a scheme with hardly any savings, and difficulties regarding their living expenses are bound to arises during the period when the main crops are still in the immature stage. Under such a situation the settlers look upon FELDA to provide with some assistance The assistance is given in the form of subsistence allowance..., m.s. 76.

Pada mulanya elaun sara hidup diberikan berdasarkan bilangan ahli dalam satu-satu keluarga. Tetapi selepas 1962 pemberian wang sara hidup dibuat berlandaskan jumlah hari kerja di ladang oleh peneroka-peneroka.

Jumlah elauan sara hidup \$175 sebulan yang diterima oleh peneroka adalah jauh daripada mencukupi bagi menampung kehidupan harian mereka. Hal ini tidak memerlukan sebarang hujjah dengan perangkaan yang mendalam. Bagi mereka yang rasional tentulah dapat memikirkan betapa jumlah sebanyak itu (\$175) sememangnya tidak memadai dalam situasi dunia kini, serba-serbi memerlukan wang.

Pendapatan tetap yang rendah ini bertambah gayat apabila dikaitkan dengan tanggungan peneroka. Rata-rata setiap peneroka mempunyai anak. Walaupun bilangan anak-anak peneroka secara puratanya tidak begitu besar namun pada hakikatnya elauan sara hidup masih tidak mencukupi, bagi menampung keluarga peneroka yang ada waktu ini. Pergantungan hanya kepada elauan tanpa membuat sebarang pekerjaan sampingan akan memberi kesan yang buruk ke atas kelangsungan hidup peneroka dan keluarga. Tanggungan peneroka berkaitan pula dengan perbelanjaan bagi keperluan harian. Dari segi perbelanjaan didapati majoriti peneroka membelanjakan sebahagian besar daripada elauan sara hidup mereka ke atas makanan. Corak perbelanjaan peneroka dapat dilihat daripada Jadual 24.

Berpandukan Jadual 24 jelas betapa sejumlah besar pendapatan peneroka dibelanjakan ke atas keperluan makanan. Seramai 20 responden iaitu 66.7% membelanjakan antara \$101 - \$200 sebulan atas keperluan makanan. Sebanyak 30% lagi membelanjakan antara \$201 - \$300 sebulan dan 3.3% membelanjakan lebih daripada \$300 sebulan. Ini belum diambil kira perbelanjaan peneroka ke atas lain-lain keperluan seperti

Jadual 24: Corak Perbelanjaan Peneroka Atas Barang Keperluan

Jenis Perbelanjaan (\$)	Makanan		Pakaian		Pelajaran Anak		Yuran		Lain-Lain	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
0 - 100	-	-	26	86.7	12	40	24	80	2	6.7
101 - 200	20	66.7	2	6.7	-	-	-	-	-	-
201 - 300	9	30.0	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebih 301	1	3.3	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	30	100.0	28		12		24		2	

Catitan: Selain daripada perbelanjaan ke atas keperluan makanan, jenis perbelanjaan lain tidak mendapat jawapan yang menyeluruh daripada responden-responden

pelajaran anak, yuran-yuran, pakaian dan sebagainya. Bersandarkan pada kenyataan ini jelaslah mengapa peneroka-peneroka terpaksa mengambil inisiatif atau mengorak langkah melakukan kerja-kerja sambilan.

4.6(b) Rangka Kerja

Dalam jangka waktu tanaman masih lagi di tahap belum matang 'immature stage', penglibatan peneroka dalam kerja ladang adalah begitu minima sekali. Peneroka hanya terlibat di dalam kerja-kerja pengawalan seperti membersihkan lorong ladang, membuang anak-anak kayu, lalang, membuang dahan getah yang sekah, membaja, meracun dan sebagainya. Bagi peneroka yang konsisten di dalam kerja pengawalan, tidak timbul masalah di mana lot ladang mereka tidak diurus rapi. Pengerjaan yang konsisten atas lot ladang akan menjimatkan waktu yang begitu banyak sekali. Selama sebulan pengkaji membuat perhatian didapati peneroka yang konsisten melakukan kerja-kerja ladang hanya meluangkan masa yang sedikit sahaja dalam sebulan untuk menghabiskannya. Begitu juga dari segi jumlah jam sehari mereka di ladang. Rata-rata peneroka hanya menghabiskan antara 2 - 4 jam sahaja sehari di ladang. (Lihat Jadual 25, Bab V).

Ruang waktu lapang yang begitu banyak yang diperolehi oleh peneroka setelah mengambil kira jumlah jam sehari dan jumlah hari sebulan mereka bekerja di ladang secara langsung menbenarkan peneroka melakukan kerja sampingan mereka.

4.6(c) Lain-Lain Faktor

Selain daripada pendapatan tetap yang rendah dan rangka kerja yang agak longgar, terdapat lain-lain faktor yang menyebabkan peneroka membuat kerja sambilan. Salah satu faktor yang dapat diketengahkan ialah faktor kemudahan yang ada. Banyak kemudahan-kemudahan yang terdapat di rancangan yang mendorong para pesertanya untuk menceburkan diri mereka ke dalam kerja-kerja sambilan. Kemudahan pertama yang jelas pada perhatian pengkaji adalah kemudahan kedai. Pihak pentadbir di rancangan telah mengambil daya usaha mendirikan beberapa unit kedai untuk disewakan kepada peneroka bagi mereka menjalankan usaha-usaha perniagaan. Dengan kadar sewa bulanan yang mampu dibayar oleh peneroka maka pihak pentadbir rancangan secara langsung telah memberikan tapak buat peserta-pesertanya bergiat dalam bidang perniagaan.

Kemudahan kedua adalah kemudahan dalam mendapatkan tender bagi peneroka yang ingin bergiat dalam lapangan kontraktor. Dalam usaha pihak FELDA membentuk peneroka agar menjadi peneroka yang dapat berdikari maka pihak FELDA telah memperuntukkan segala projek yang ingin dijalankan di rancangan hendaklah diserahkan pada peneroka sendiri. Segala projek yang dimaksudkan hanya melibatkan projek yang kecil-kecilan seperti projek membaja dan meracun. Tender-tender bagi projek tersebut biasanya dikeluarkan hanya kepada peneroka yang berminat sebagai kontraktor.

Lain-lain kemudahan yang ada ialah kemudahan mendapatkan kerja di rancangan-rancangan FELDA di sekitar Lepar Hilir 1. Umpamanya di rancangan Lepar Hilir 5 yang bersempadan dengan Lepar Hilir 1 terdapat banyak peluang pekerjaan buruh ladang. Begitu juga dengan lain-lain rancangan seperti rancangan Lepar Hilir 2, 3 dan 4. Banyaknya permintaan ke atas tenaga buruh menyebabkan sebilangan besar peneroka terlibat di dalamnya.

Penempatan perkampungan secara berkelompok turut mendorong peneroka untuk bergiat dalam kegiatan sambilan seperti bermiaga runcit dan mengusahakan bengkel. Keadaan penempatan sebegini menyediakan pelanggan bagi peneroka yang membuka bengkel dan kedai runcit. Di samping itu, kawasan lebih di sekitar rumah peneroka juga berperanan dalam mendorong peneroka membuat kerja-kerja sambilan. Adanya kawasan lebih di sekitar rumah peserta membolehkan mereka mendirikan premis tambahan untuk digunakan sebagai kedai atau bengkel. Selain itu, penempatan jauh ke atas pergunungan di atas gunung juga memberi kesempatan kepada beberapa warga masyarakat seperti suku dengan melaksana kerja-kerja sambilan menjajakkan kerja ladang dan lain-lain lagi. Keadaan jauh-jauh yang pengaruh kerjanya diperoleh adalah positif tetapi ia juga tidak sedikit pun menjadikannya kerja-ladang susah. Cross check dengan penyelidikan di rancangan sumbatilen buktikan oleh peneroka-peneroka ini.

Untuk malah pada kerja sampingan memberikan sebarang kesan negatif atau kerja ladang maka apa yang dirancang perlu dilihat

BAB V

KESAN/IMPLIKASI KERJA SAMPINGAN

Bab ini akan melihat beberapa kesan yang timbul daripada penglibatan peneroka-peneroka dalam kerja-kerja sampingan. Antara yang akan disentuh ialah kesan kerja-kerja sambilan atas kerja ladang, gaya hidup, hubungan peneroka dengan jiran dan hubungan peneroka dengan pegawai-pegawai di rancangan.

5.1 Kesan Ke Atas Kerja Ladang

Penekanan dalam aspek ini lebih kepada kesan negatif kerja sampingan ke atas kerja ladang. Persoalan yang ingin dilihat adalah samada dengan melakukan kerja sambilan maka peneroka tidak mempunyai masa yang secukupnya untuk tugas-tugas di ladang. Atau akibat membuat kerja-kerja luar menyebabkan peneroka leka atau cuai terhadap kerja di ladang mereka. Bagi mendapatkan jawapan ke atas persoalan di atas pengkaji telah menanyakan peneroka beberapa soalan yang berkaitan seperti adakah dengan melakukan kerja-kerja sambilan menjelaskan kerja ladang dan lain-lain lagi. Kesemua jawapan yang pengkaji terima daripada responden adalah positif iaitu ianya tidak sedikit pun menjelaskan kerja ladang mereka. Cross check dengan pegawai-pegawai di rancangan membuktikan kenyataan oleh peneroka-peneroka ini.

Untuk melihat samada kerja sampingan memberikan sebarang kesan negatif atas kerja ladang maka apa yang dirasakan perlu dilihat

ialah waktu yang dihabiskan oleh peneroka di ladang. Diskusi ke atas jumlah jam yang dihabiskan oleh peneroka di ladang akan secara tidak langsung memberikan suatu gambaran samada terdapat sebarang kesan negatif akibat pengerajan kerja sambilan atas kerja ladang. Jadual di bawah menunjukkan jumlah jam sehari yang digunakan oleh peneroka untuk kerja-kerja ladang mereka.

Jadual 25: Jumlah Jam Sehari Yang Digunakan Oleh Peneroka Di Ladang

Jam	Bil.	%
0 - 2	-	-
2 - 4	28	93.4
4 - 6	2	6.6
Lebih 6	-	-
JUMLAH	30	100.0

Jadual 25 menunjukkan bahawa majoriti peneroka berada di ladang mereka antara 2 - 4 jam sahaja sehari. Peratusan bagi peneroka yang terlibat dalam kategori ini ialah sebanyak 93.4%. Manakala 6.6% lagi menggunakan antara 4 - 6 jam sehari untuk kerja ladang. Ini memberikan suatu gambaran betapa banyaknya masa lapang iaitu masa di mana peneroka tidak berada di ladang mereka. Boleh dikatakan semua peneroka tidak ke ladang di sebelah petang.

Memandangkan rancangan ini masih lagi pada tahap menunggu pengeluaran hasil maka jumlah jam yang digunakan oleh peneroka di ladang (Lihat Jadual) dikira cukup dan memadai. Ini kerana kerja-kerja yang terlibat dalam tahap menunggu, tidaklah begitu berat dan banyak. Kerja-kerja hanya berupa kerja pengawalan seperti membersihkan kawasan ladang, meracun dan membaja. Bagi kebanyakan peneroka kerja-kerja pengawalan hanya mengambil masa yang singkat untuk dibereskan kerana kerja-kerja tersebut dilakukan secara konstan.

Selain daripada jumlah jam sehari, pengkaji juga mengambil kira jumlah hari yang digunakan oleh peneroka untuk kerja ladang dalam sebulan. Apa yang cuba pengkaji tunjukkan ialah jumlah hari yang digunakan oleh peneroka untuk membereskan kerja ladang mereka sebulan. Ini dirasakan penting kerana daripada pemerhatian pengkaji didapati majoriti peneroka hanya menggunakan beberapa hari sahaja dalam sebulan untuk menghabiskan kerja di ladang. Hal ini dapat dilihat daripada Jadual 26.

Jadual 26: Bilangan Hari Dalam Sebulan Yang Dihabiskan Oleh Peneroka Di Ladang

Bilangan Hari	Bil.	%
0 - 5	15	50.0
5 - 10	13	43.3
10 - 15	2	6.7
Lebih 15	-	-
JUMLAH	30	100.0

Daripada Jadual 26 jelas bahawa sebanyak 50% dari responden yang dikaji, menghabiskan antara 0 - 5 hari dalam jangka masa sebulan untuk kerja ladang. Seramai 13 orang responden iaitu 43.3% mengatakan bahawa mereka hanya menghabiskan 5 - 10 hari. Sementara 6.7% lagi antara 10 - 15 hari sebulan.

Ini selaras dengan peraturan jadual kerja ladang oleh pihak pentadbiran rancangan yang menghendaki kesemua kerja-kerja ladang siap sebelum 15hb. tiap-tiap bulan. Mana-mana peserta yang gagal menyiapkannya dalam jangka waktu itu diberikan masa/tempoh kerja ulangan selama lima hari lagi iaitu sehingga 20 haribulan setiap bulan. Sekiranya dalam tempoh tambahan itu kerja-kerja ladang masih belum selesai atau tidak memuaskan maka tindakan memasukkan buruh akan dijalankan dan segala perbelanjaan akan dipotong melalui eluan sara hidup peneroka yang terlibat.

Berpandukan perbincangan mengenai jumlah jam (sehari) dan jumlah hari (sebulan) maka dapat dibuat suatu tanggapan bahawa penglibatan peneroka dalam kerja-kerja sampingan tidak sedikit pun menjelaskan kerja ladang mereka.

Selain dari itu, langkah kawalan oleh pihak pentadbiran di rancangan terhadap peneroka-peneroka yang melakukan kerja-kerja sambilan turut memastikan tiadanya kesan negatif ke atas ladang. Langkah kawalan tersebut memestikan setiap peserta yang ingin membuat kerja luar ladang hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran

daripada pegawai petugas. Kebenaran hanya akan diberikan kepada peneroka apabila pegawai yang bertugas puas hati dengan keadaan ladang peserta berkenaan. Surat 'Pengesahan Siap Kerja' (Lihat Lampiran) yang dikeluarkan secara tidak langsung bertindak sebagai suatu pelepasan kepada mana-mana peserta rancangan yang ingin melakukan kerja-kerja sambilan.

5.2 Kesan Ke Atas Gaya Hidup

Dalam membicarakan tentang kesan kerja sampingan atas gaya hidup peneroka apa yang pengkaji cuba paparkan ialah perbandingan antara gaya hidup peneroka-peneroka sebelum dan sesudah mereka menyertai rancangan. Salah satu indeks yang pengkaji gunakan bagi membuat perbandingan ini ialah pendapatan. Lihat Jadual 27.

Berpandukan Jadual 27 jelas jika sekiranya indeks pendapatan diambil kira sebagai indeks untuk melihat perubahan gaya hidup maka gaya hidup yang dijalani oleh peneroka ketika berada di rancangan adalah lebih baik. Jadual menunjukkan sebanyak 30% responden memperolehi pendapatan di bawah \$200 sebulan sebelum memasuki rancangan. Keadaan ini tidak lagi berlanjutan apabila mereka menyertai rancangan kerana tiada seorang pun daripada mereka yang mendapat kurang dari \$200 sebulan. Ini jika dicampurkan pendapatan mereka dari kerja tetap dan kerja-kerja sambilan. Peningkatan dalam pendapatan ini dapatlah dianggapkan sebagai suatu petunjuk peningkatan taraf hidup serta cara hidup mereka. Dengan meningkatnya pendapatan maka sudah tentu keupayaan

**Jadual 27: Pendapatan Peneroka Sebelum dan Sesudah
Menyertai Rancangan**

Pendapatan Sebulan (\$)	Sebelum Menyertai Rancangan		Sesudah Menyertai Rancangan			
			Pendapatan Tetap		Pendapatan Sampingan	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
0 - 100	2	6.7	-	-	9	30.0
101 - 200	7	23.3	30	100	12	40.0
201 - 300	11	36.7	-	-	6	20.0
301 - 400	4	13.3	-	-	-	-
401 - 500	4	13.3	-	-	2	6.7
Lebih 500	2	6.7	-	-	1	3.3
JUMLAH	30	100.0	30	100	30	100.0

peneroka untuk berbelanja dalam ertikata berbelanja ke atas consumer items telah meningkat sama.

Selain dari pendapatan, indeks yang dapat digunakan dalam menilai dan melihat perubahan gaya serta taraf hidup adalah pemilikan harta. Sebagaimana yang diketahui umum setiap peserta-peserta rancangan FELDA disediakan dengan sebuah rumah dan tanah ladang serta dusun. Hal ini meletakkan peneroka dalam situasi yang lebih meyakinkan mereka akan jaminan hidup yang lebih baik jika dibandingkan dengan sebelumnya. Sebelum ini majoriti peneroka berada dalam keadaan yang kurang menyenangkan dalam ertikata mereka merasakan tiadanya jaminan hidup yang lebih bererti kerana ketiadaan rumah serta tanah sendiri.

Pandangan peserta-peserta rancangan sendiri ditanya mengenai perubahan yang mereka alami dalam hidup mereka sejak berada dalam gaya serta cara hidup mereka kini berbanding dengan sebelumnya. Rata-rata responden mengatakan bahawa cara/gaya hidup mereka kini lebih baik dari cara/gaya hidup mereka ketika sebelum memasuki rancangan. Hal ini dapat dilihat daripada Jadual 28.

Jadual 28: Pandangan Peneroka Atas Gaya Hidup Di Rancangan Berbanding Dengan Gaya Hidup Sebelum Menyertainya

Pandangan Peneroka	Lebih Baik	Memuaskan	Tak Memuaskan	JUMLAH
Bilangan	17	11	2	30
%	56.7	36.7	6.6	100

Sebanyak 56.7% responden mengatakan bahawa cara/gaya hidup mereka semasa di rancangan adalah lebih baik jika dibandingkan dengan waktu di kampung dulu. Seramai 11 orang peneroka (36.7%) pula memberikan jawapan yang gaya/cara hidup mereka kini adalah memuaskan setelah memasuki rancangan. Hanya 2 orang (6.6%) sahaja responden yang merasakan cara/gaya hidup mereka ketika di rancangan tak memuaskan sepetimana di kampung asal mereka dahulu. Secara keseluruhan dapat dikatakan bahawa gaya/cara hidup peneroka-peneroka kini adalah lebih baik jika didasarkan kepada jawapan yang mereka berikan di atas.

Gaya/cara hidup yang mereka kecapi sekarang menyebabkan sebilangan besar responden mengambil keputusan untuk terus tinggal menetap di rancangan walaupun ada lain-lain tawaran sesudah ini yang lebih lumayan. Berbagai faktor yang mereka berikan seperti sudah pindah randah dan seumpamanya lagi. Pandangan peneroka-peneroka dalam hal ini dapat ditinjau daripada Jadual 29.

Jadual 29: Bilangan Yang Sanggup Berpindah Keluar Daripada Rancangan Sekiranya Mendapat Tawaran Yang Lebih Baik

Bilangan	Sedia Berpindah	Tidak Bersedia Untuk Berpindah	JUMLAH
7	23	30	
%	23.3	76.7	100

Berpandukan Jadual 29, didapati hanya 23.3% sahaja peneroka yang dikaji mengatakan yang mereka sanggup untuk berpindah daripada rancangan andai kata mendapat tawaran yang lebih lumayan di masa-masa akan datang. Sementara sebanyak 76.7% lagi mengatakan tidak sanggup lagi untuk berpindah randah dan telah mengambil keputusan untuk terus menetap di dalam rancangan tersebut.

5.3 Kesan Atas Hubungan Dengan Jiran

Hubungan antara peneroka dengan jiran mereka dapat dikatakan begitu rapat. Ini berdasarkan pemerhatian pengkaji selama sebulan di tempat kajian. Hubungan sesama mereka yang wujud atas dasar face-to-face relationships begitu berperanan dalam mengikat serta mempereratkan perhubungan antara mereka. Ini dibantu oleh adanya common interests di kalangan peserta-peserta. Selain dari itu, keadaan hidup mereka yang homogenous dari berbagai segi turut memberikan sumbangan ke arah penyatuan mereka. Persamaan dari segi agama dan bangsa merupakan faktor terpenting yang membawa kepada perpaduan di kalangan peneroka-peneroka. Atas dasar perpaduan yang wujud antara sesama peserta maka pengkaji cuba melihat samada pengerajan atau penglibatan peneroka dalam kerja-kerja sampingan itu menimbulkan sebarang kesan ke atas hubungan tersebut.

Dalam melakukan kerja sampingan maka sudah tentu timbul keadaan di mana wujud sebahagian peserta yang mempunyai kemampuan yang lebih dalam mendapatkan consumer items. Ini dikira akan

menimbulkan rasa tidak senang di kalangan lain-lain peserta khasnya di kalangan peserta-peserta yang tidak melibatkan diri dalam membuat kerja-kerja sambilan. Bagi mengetahui akan sikap serta pandangan peserta ke atas lain-lain peserta yang melakukan kerja sambilan maka pengkaji mengambil peluang menanyakan kepada responden beberapa soalan yang bersangkutan dengannya. Semua jawapan yang diterima mengatakan bahawa penglibatan lain-lain peserta di dalam kegiatan kerja-kerja luar ladang tidak sedikit pun menimbulkan rasa tidak senang di hati mereka. Begitu juga dari segi hubungan antara sesama mereka, sedikit pun tidak terjejas.

Hubungan harmoni yang wujud antara peneroka di rancangan ini dapat didasarkan pada keadaan mereka yang serba homogenous. Ini memudahkan pembentukan kumpulan-kumpulan sosial yang tak formal informal groups. Menurut Sanders;

The informal group in every society comes about spontaneously and in a comparatively unplanned fashion. It continues as long as people follow some traditional behaviour pattern or pursue some common interests; it lasts as long as it continues to provide the satisfaction that its members expect from it.¹

Kumpulan sosial tak formal yang ada di setiap blok perkampungan merupakan mekanisme yang memainkan peranan penting dalam melahirkan

¹ Irvin T. Sanders, The Community: An Introduction to a Social System (2nd edition), The Ronald Press Co., New York, 1966, m.s. 142.

rasa saling berkehendak di kalangan peserta. Bibit-bibit rasa kekitaan esprit de corps di antara peserta wujud melalui interaksi mereka dalam institusi tak formal seperti gotong royong, majlis kenduri kendara dan majlis pembacaan yasin. Kesemua kumpulan sosial tak formal ini bukannya asing bagi komuniti di rancangan kerana segala kegiatan tersebut pernah mereka amalkan ketika mereka di kampung dahulu. Pembentukan informal groups bagi masyarakat peserta rancangan FELDA adalah bertujuan untuk membina hubungan silaturahim. Ini bertepatan dengan ajaran suci agama Islam yang menganjurkan umatnya agar saling berbaik-baik sesuai dengan konsep hablun minan nas¹ iaitu hubungan sesama manusia dalam kehidupan sehari-hari mereka di dunia.

Walau bagaimanapun, keadaan harmoni ini tidak sentiasa kekal. Ada kalanya timbul juga perselisihan faham antara sesama jiran atas berbagai sebab. Hal ini memang tidak dapat dielakkan kerana dalam rangka kehidupan harian sudah tentu timbul berbagai peristiwa yang melibatkan peneroka dan jiran. Namun keadaan selisih faham biasanya dapat diatasi dengan adanya campurtangan jiran-jiran lain atau Ketua Blok.

5.4 Kesan Ke Atas Hubungan Peneroka Dengan Pegawai Pentadbir

Hubungan yang wujud antara peneroka dengan pegawai di rancangan dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu hubungan yang

¹Dalam ajaran agama Islam terdapat dua bentuk hubungan iaitu hubungan manusia dengan Allah S.N.W. 'hablun minal'lah' dan hubungan antara sesama manusia 'hablun minan nas'.

formal dan tidak formal. Hubungan formal berlaku dalam urusan harian antara peneroka dan pegawai pentadbir yang melibatkan kerja-kerja pejabat dan ladang. Sementara hubungan tak formal antara keduanya terjadi di luar ikatan hal-hal pejabat dan ladang. Hubungan tak formal wujud dalam interaksi peneroka dengan pegawai rancangan dalam bidang sosial dan lainnya.

Dalam melihat hubungan peneroka dengan pegawai rancangan, pengkaji cuba menilaikan sejauhmana kerja sampingan memberi kesan atasnya. Seperti yang diketahui, peneroka-peneroka mempunyai tugas yang mesti mereka kerjakan iaitu kerja ladang. Jadi apabila peneroka terlibat dalam membuat kerja-kerja sambilan maka sudah tentu timbul keadaan di mana pembahagian masa terpaksa dibuat agar wujud suatu penyelarasan antara keduanya. Apa yang ingin pengkaji utarakan di sini ialah kemungkinan penyelarasan antara kerja ladang dan kerja sampingan tidak dapat dibuat oleh peneroka dan keadaan ini seterusnya menyebabkan timbulnya konflik antara peneroka dan pegawai rancangan. Timbulnya konflik akan membawa kepada terjejasnya hubungan peneroka dengan pegawai.

Bagi melihat kedudukan hubungan antara peneroka dan pegawai di rancangan, pengkaji telah menanyakan pandangan peneroka terhadap Pengurus serta Penyelia rancangan. Peneroka sebagai penerima polisi dalam kes pembangunan tanah sudah tentulah mempunyai tanggapan serta pandangan tertentu terhadap pegawai di rancangan yang bertindak sebagai policy implementors. Jadual 30 menunjukkan keadaan tanggapan peneroka

terhadap Pengurus dan Penyelia rancangan.

Jadual 30: Pandangan Peneroka Terhadap Pegawai Pentadbir di Rancangan

Kategori Pegawai	Pengurus				Penyelia			
Pandangan Peneroka	1	2	3	4	1	2	3	4
Bilangan	6	24	-	-	22	8	-	-
%	20	80	-	-	73.3	26.7	-	-

Catitan: 1. Baik 3. Tak Dapat Bekerjasama
2. Boleh Bekerjasama 4. Selalu Selisih Faham

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bagaimana peneroka menganggapi hubungan mereka dengan pegawai di rancangan iaitu Pengurus rancangan dan Penyelia rancangan. Sebanyak 20% mengatakan bahawa hubungan antara mereka dengan Pengurus adalah baik. Sementara 80% lagi memberikan jawapan 'boleh bekerjasama'. Di sebaliknya pula berlaku antara peneroka dengan Penyelia rancangan di mana 73.3% menggambarkan hubungan antara mereka dengan Penyelia adalah baik dan 26.7% lagi menyatakan 'boleh bekerjasama'. Dari sini dapat dikatakan bahawa hubungan yang wujud antara Pengurus dan peneroka secara keseluruhannya adalah kurang mesra atau rapat. Kelihatan wujud social distance dalam hubungan keduanya. Ini tidaklah menghairankan kerana Pengurus lebih banyak berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin peserta dalam urusan rasmi atau tidak rasmi. Bagi kebanyakan peserta yang tidak memegang

apa-apa jawatan di rancangan maka sudah tentulah hubungan mereka dengan Pengurus hanya setakat tahap yang begitu minima sekali. Ini berlainan dengan hubungan yang wujud antara peneroka dengan Penyelia rancangan. Majoriti peneroka mengatakan bahawa hubungan antara mereka adalah baik. Keadaan hubungan baik antara keduanya dimungkinkan oleh interaksi mereka dalam hidup harian baik ketika di ladang ataupun di rumah.

Di samping itu, pengwujudan berbagai institusi tak formal di peringkat rancangan seperti gotong royong dan sukan sekolah telah berjaya merapatkan hubungan antara peneroka dan pegawai-pegawai di rancangan termasuk guru-guru di sekolah. Pertemuan mereka di majlis seperti ini secara tidak langsung membina suatu rappor yang baik dari segi hubungan mereka. Hubungan yang berlaku dalam informal groups melibatkan peserta dan pegawai secara keseluruhannya.

Sementara melalui formal groups hanya segelintir ahli komuniti rancangan yang terbabit. Hanya ketua-ketua blok atau lain-lain ketua kumpulan rasmi yang termasuk ke dalam hubungan jenis ini. Jadi hubungan yang wujud daripada kumpulan rasmi tidaklah menyeluruh seperti mana halnya dalam kumpulan tak rasmi. Kumpulan rasmi yang ada di rancangan ialah antaranya JKKR, Koperasi, PIBG (Persatuan Ibubapa dan Guru-Guru) UMNO dan GPW (Gerakan Persatuan Wanita).

Interaksi peneroka dan pegawai rancangan dalam menjalankan aktiviti samada dalam informal groups atau formal groups telah berjaya

membawa keadaan harmoni antara keduanya. Dalam kehidupan harian sudah tentu timbul berbagai masalah atau kesulitan. Hal ini tidak terkecuali daripada menimpa peneroka di rancangan. Untuk mengatasi masalah tersebut maka lain-lain pihak diperlukan. Dari segi siapa yang peneroka temui apabila mereka menghadapi satu-satu masalah bergantung kepada jenis masalah yang timbul. Biasanya masalah yang dianggap peribadi tidak dibawa kepada pengetahuan mana-mana pihak. Masalah keluarga lebih sesuai sekiranya diselesaikan oleh ahli keluarga tersebut tanpa melibatkan orang lain. Ini berkaitan dengan sifat serta norma hidup orang-orang Melayu yang agak tertutup dalam membicarakan hal-hal mengenai keluarga mereka kepada orang lain yang bukan ahli keluarga.

Kekerapan peneroka menemui orang-orang tertentu apabila mereka mengalami kesulitan atau masalah biasanya berhubung dengan masalah di luar masalah famili seperti masalah kerja ladang, hal-hal masyarakat dan lain-lain lagi. Ini dapat dilihat daripada Jadual 31.

Sebanyak 63.3% peneroka yang dijadikan sampel mengatakan bahawa mereka selalu menemui pegawai rancangan bila mana mereka menghadapi masalah. Hanya 10% sahaja yang tak pernah mengadukan masalah mereka kepada pegawai rancangan. Berdasarkan peratusan di atas dapat dibuat suatu andaian bahawa peserta-peserta di rancangan masih memerlukan bantuan dan kehadiran pegawai-pegawai rancangan untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi. Secara tidak langsung juga

menggambarkan hubungan yang wujud antara mereka iaitu peserta-peserta rancangan dengan pegawai-pegawai pentadbir adalah baik.

Jadual 31: Kekerapan Peneroka Mengadu Hal Kepada Orang-Orang Yang Berkennaan

penyelidikan peserta dengan temu temu hal ini berikut

Kategori Mereka Yang Peneroka Temui Untuk Mengadu Hal	Kekerapan					
	Selalu		Kadang-Kadang		Tak Pernah	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Pegawai Di Rancangan	19	63.3	8	26.7	3	10
Pegawai Wilayah/ Ibu Pejabat	-	-	3	10	27	90
Ketua Blok	20	66.7	8	26.7	2	6.6
Jiran	21	70	3	10	6	20
Saudara Mara Di Kampung Asal	4	13.3	21	70	5	16.7

mengebarukan diantara seluruh responden. Walaupun begitu sebaliknya, seseorang nampaknya mengalami yang diterima oleh peserta-peserta adalah jauh berlipat berbanding alasan yang mereka yang mempunyai sah. Terlebih pula sebagian 70% diantara 30 responden sebelum menyertai rancangan pernah mengalami pendapatan melibatkan \$200 sebulan. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar peserta mendapatkan penghasilan yang terukur bagi memenuhi kira-kira pendapatan tetap.

Dilampung itulah kelogaran dalam kerja yang sedang tidak mendorong sebahagian masyarakat kerja-karja sambilan. Didapati sebahagian peserta di rancangan hanya menghasilkan hasil yang begitu minim walaupun

BAB VI

PENUTUP

Kajian ini merupakan suatu pengujian hipotesis bahawa penglibatan peserta-peserta rancangan tanah FELDA yang baru dalam kerja-kerja sambilan adalah akibat daripada pendapatan tetap yang rendah. Hal ini telah dinyatakan dalam Bab I. Bab-bab lain seterusnya membincarkan tentang kerja-kerja sampingan secara mendalam dari berbagai aspek seperti jenis kerja, sebab-sebab melakukannya dan lain-lain lagi. Kemudian akibat penglibatan mereka itu akan meninggalkan kesan atas penggeraan lot ladang, gaya hidup serta hubungan sesama peserta dan hubungan peserta dengan pegawai di rancangan.

Setelah dibuat penganalisaan didapati bahawa pendapatan tetap yang rendah bukanlah merupakan sebab tunggal mengapa peneroka menceburkan diri dalam kerja sambilan. Walau bagaimanapun, eluan sara hidup sebanyak \$175 sebulan yang diterima oleh peserta-peserta adalah jauh daripada mencukupi khususnya bagi mereka yang mempunyai anak. Tambahan pula sebanyak 70% daripada 30 responden sebelum menyertai rancangan pernah memperolehi pendapatan melebihi \$200 sebulan. Ini menguatkan lagi azam mereka untuk mendapatkan wang tambahan bagi menampung kekurangan pendapatan tetap.

Di samping itu kelonggaran dalam rangka kerja ladang turut mendorong mereka melakukan kerja-kerja sambilan. Didapati kebanyakan peserta di rancangan hanya menghabiskan masa yang begitu minima sekali

untuk kerja-kerja ladang. Keadaan ini menempatkan peneroka dalam situasi penggunaan tenaga tak penuh dari segi pekerjaan di rancangan. Ini menyebabkan 50% daripada keseluruhan peserta Lepar Hilir 1 membuat kerja luar ladang. Dengan melibatkan diri dalam kerja sambilan dapatlah para peserta memaksimakan penggunaan tenaga kerja di samping menambah pendapatan.

Begitu juga dengan peluang pekerjaan yang banyak di rancangan Lepar Hilir 1 dan kawasan sekitarnya. Kawasan rancangan yang berdekatan khususnya Lepar Hilir 5 yang mana masih lagi di tahap awal penerokaan menyediakan begitu banyak sekali kerja buruh. Keadaan ini menarik ramai peneroka untuk bekerja di sana. Selain dari itu lokasi rancangan yang terletak agak jauh daripada pekan atau bandar memungkinkan pesertanya untuk menceburkan diri ke dalam kegiatan perniagaan seperti kedai runcit, bengkel dan seumpamanya. Aktiviti perniagaan di rancangan sangat bergantung kepada peserta-peserta dan pegawai untuk menjayakannya. Dengan kata lain, merekalah yang semestinya bertindak sebagai pelanggan kepada setiap kegiatan perniagaan yang ada. Hal ini banyak dibantu oleh keadaan penempatan yang bersetumpu atau berkelompok.

Faktor akhir yang bertindak sebagai pendorong peserta-peserta bekerja sambilan ialah polisi FELDA bersabit pengeraan ladang. Pihak FELDA tidak menghalang peserta rancangan daripada bergiat dalam kerja-kerja luar ladang/sambilan sekiranya kerja di ladang telah dibereskan. Walaupun begitu polisi tersebut tidaklah dinyatakan secara hitam putih. Setiap peserta yang siap mengerjakan ladangnya

akan diberikan surat 'Pengesahan Siap Kerja'. Dengan surat inilah peserta dibenarkan melakukan kerja-kerja sampingan.

Perbincangan dalam bab-bab yang lalu jelas memaparkan bahawa penglibatan para peserta dalam kerja-kerja sambilan tidak sedikit pun memberikan kesan negatif atas kerja ladang. Adanya kelonggaran dalam rangka kerja ladang serta sistem pengawalan oleh pihak FELDA sendiri menjamin keadaan di atas berterusan. Hal yang sama berlaku pada hubungan peserta dengan jiran-jirannya. Hubungan baik yang wujud tidak terjejas walaupun ada setengah-setengah peserta yang terlibat dengan kerja sampingan. Begitu juga dengan hubungan peserta dan pegawai rancangan. Sebaliknya keadaan konflik yang wujud antara keduanya lebih didorong oleh sistem pentadbiran serta taraf hidup yang berbeza.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan cara mengubah konsep pentadbiran serta struktur tanah rancangan itu sendiri. Umpamanya menghormati lebih luas lagi kepentingan serta tuntutan peneroka dengan memberikan mereka penyertaan yang lebih luas dalam proses membuat keputusan dan pentadbiran harian. Ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk membentuk suatu masyarakat baru yang berpengetahuan, berkemahiran dan sanggup mengambil alih pentadbiran dan pengurusan rancangan; iaitu masyarakat petani moden yang progresif, dinamis serta bertanggungjawab. Hal ini dikira akan tercapai memandangkan taraf pelajaran formal yang dimiliki oleh kebanyakan peserta adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan peserta-peserta di rancangan-rancangan

terdahulu. Potensi bagi mereka untuk memimpin adalah besar sekali.

Selain dari itu pihak FELDA sepatutnya menggalakkan lebih ramai lagi pesertanya agar turut berkecimpung dalam lain-lain kegiatan ekonomi bagi memastikan tujuan penubuhan itu sendiri untuk mengurangkan pengangguran serta mengatasi penggunaan tenaga tak penuh tercapai. Meluasnya kadar penyertaan peserta-peserta rancangan dalam kegiatan kerja sambilan akan membantu ke arah pembentukan satu masyarakat baru yang lebih maju dan progresif baik dari segi ekonomi maupun sosialnya.

Namun begitu, satu hal yang dirasakan perlu kepada pengawasan ialah kadar tumpuan peserta terhadap kerja-kerja sambilan. Dikhawatiri bahawa tumpuan yang berlebihan ke atas kerja-kerja tersebut akan memberikan kesan-kesan negatif (dalam jangka panjang) kepada ladang. Ini adalah tidak mustahil kerana pendapatan yang diperolehi daripada kerja-kerja sambilan agak lumayan. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan tanpa pengawalan maka sudah tentu hasrat serta matlamat FELDA untuk menjadikan masyarakat FELDA sebagai sebuah masyarakat yang BERDIKARI akan menemui kegagalan.

Gelitin, Jenius, Goto & Ochiai, 1979

Shamsul Azri, Sosialisme, 1977

Ting Chee Fatt, 1963

The Community An Introduction to a Social System 1965 edition, The Ronald Press Co., New York.

Research Methods in Social Sciences, Holt, Rinehart and Winston, New York.

Perjuangan dan Perkembangan, Satu Tafsiran Sosialis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Konsep Ajaran Sociologi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

BIBLIOGRAFI

Teks

- Abercrombie, Hill & Turner
1984 Dictionary of Sociology, Penguin Books.
- Ali Shariati
1979 On the Sociology of Islam, Berkeley, Mizan Press.
- Beattie, John
1970 Other Cultures, Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Chamhuri Siwar
1978 Kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Festinger, L. & Katz, D.
1955 Research Methods in the Behavioral Sciences, Holt, Rinehart and Winston Inc., U.S.A.
- Frank, A.G.
1970 Sociology of Development and Under-development of Sociology, Pluto Press, New York.
- Husin Ali, Syed
1979 Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mac Andrews, Colin
1977 Mobility and Modernization: The Federal Land Development Authority and Its Role in Modernising the Rural Malay, Gadjah Mada University Press.
- Sanders, T.
1966 The Community: An Introduction to a Social System (2nd edition), The Ronald Press Co., New York.
- Selltiz, Jahoda, Deutch & Cooks,
1959 Research Methods in Social Relations, Holt, Rinehart and Winston, New York.
- Shamsul Amri Baharuddin
1977 RMK: Tujuan dan Pelaksanaannya. Satu Penilaian Teoritis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ting Chew Peh
1983 Konsep Asas Sosiologi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tunku Shamsul Bahrain & Parera, FELDA: 21 Years of Land Development.

Latihan Ilmiah dan Tesis

Dahari Derani
1983/84

Kerja-Kerja Sampingan di Rancangan FELDA Pasoh I, Simpang Pertang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Mohd. Noor Hj. A. Rahman
1973/74

LKTP: Penyesuaian Sosial dan Ekonomi di Rancangan Kemajuan Tanah Bukit Bading, Trengganu.

Muhamad Awang
1973/74

Penyesuaian di Kalangan Peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Batu Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan.

Rokiah Talib
1978

Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan. Satu Kes Kajian Ke Atas Rancangan-Rancangan Tanah Negeri Kelantan.

Sulaiman Hj. Said
1973/74

Penyesuaian Sosial Peringkat Pertama Rancangan Kemajuan Tanah Ulu Tebrau, Johor.

Lain-Lain Terbitan dan Laporan Rasmi

FELDA: Impian Menjadi Kenyataan.

Laporan Tahunan FELDA 1982.

Berita Harian.

Untuk menjadi penjelita dan penghulu di seluruh negara untuk menggalakkan maklumat rancangan dan produk kampung-kampung serta bagi menggalakkan lagi peranan belia sebagai tentera muda.

Untuk menjadi jambatan yang dapat menghubungkan masyarakat rancangan dengan jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar rancangan seperti maklumat perniagaan yang mendalam dan berjaya yang lebih erat lagi komunikasi antara dan pembangunan negara.

LAMPIRAN I

Tujuan-tujuan penubuhan Jawatankuasa Rancangan (JKKR):

- Mengutamakan dan memajukan usaha-usaha peserta-peserta untuk pembangunan dan kemajuan rancangan dari segi ekonomi, sosial dan menitikberatkan program kepada golongan muda FELDA untuk menceburkan diri dalam urusan niaga, perdagangan dan lain-lain lagi.
- Untuk menggalakkan penyertaan peserta-peserta dalam sistem demokrasi dalam mentadbirkan hal-hal yang berkenaan dengan keperluan dan kepentingan masyarakat rancangan.
- Untuk merapatkan perhubungan dan kerjasama di antara peserta dengan peserta dan peserta dengan pegawai-pegawai rancangan.
- Untuk memberikan latihan-latihan kepada ahli-ahli masyarakat rancangan tentang cara-cara pentadbiran dan pengurusan rancangan.
- Untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah yang timbul di dalam rancangan dengan cara-cara yang bijak dan teratur melalui perundingan dan permuafakat.
- Untuk membina masyarakat rancangan yang teguh dan yang mengutamakan nilai-nilai baru yang membawa kemajuan dan kesejahteraan.
- Untuk mengwujudkan dan menjalin persefahaman di antara peserta-peserta serta bagi mengekalkan suasana muhibah dan damai serta menyemai semangat BERDIKARI di kalangan peserta.
- Untuk menjadi penjalin dan penghubung di antara masyarakat rancangan dan penduduk kampung-kampung sekitar bagi menguatkan lagi perasaan baik sangka dan muhibah.
- Untuk menjadi jambatan yang dapat menghubungkan masyarakat rancangan dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan dan Swasta di luar rancangan supaya wujud persefahaman yang mendalam dan kerjasama yang lebih erat bagi kemajuan bersama dan pembangunan negara.

Sumber: Pejabat FELDA Lepar Hilir 1, Gambang

LAMPIRAN II

FELDA LEPAR HILIR SATU

Pengakuan Siap Kerja
Kawasan Kerja Peneroka

Bulan: _____

Nama Peneroka: _____

dan diluluskan oleh Pegawai Blok.

No. Peneroka: _____

Saya mengaku telah menyiapkan semua kerja-kerja di bawah ini pada _____

Jenis Kerja:

	<u>Diracun/Siap Pada</u>	<u>Penilaian Peg. Blok</u>
1. Lorong	_____	_____
2. Membuang anak-anak kayu dan lain-lain di kawasan dada	_____	_____
3. Lalang	_____	_____
4. Sempadan Paya/Kawasan Kerja	_____	_____
5. Jalan Pertanian	_____	_____
6. Mata Tunas/Dahan Getah Sekah	_____	_____

Yang benar,

Catitan


1. Semua kerja di atas dikehendaki siap sebelum 15hb. tiap-tiap bulan.
2. Tempoh kerja ulangan bagi kawasan kerja yang didapati tidak memuaskan oleh Pegawai Blok dikehendaki siap sebelum 20hb. tiap-tiap bulan.
3. Sekiranya didapati mutu kerja tidak memuaskan selepas penilaian sebenar dibuat dan tempoh ulangan diberi tidak dikerjakan, tindakan memasukkan buruh akan dijalankan dan segala perbelanjaan akan dipotong melalui sarahidup peneroka berkenaan.

PENILAIAN PEGAWAI BLOK


Saudara: _____

Penilaian kawasan kerja saudara telah dibuat pada _____
dan diluluskan/tidak diluluskan.

Pegawai Blok



Peta menunjukkan kawasan perkampungan dan
kawasan ladang rancangan Lepar Hilir I .



Sumber: Pejabat Lepar Hilir I.

Tajuk : Pola-pola pekerjaan sampingan.

Tempat Kajian : Felda Lepar Hilir I, Pahang.

Kod Responden

Tarikh

Catitan

BIODATA KELUARGA:

Bar. (1)	Nama (2)	Jantina (3)	Umur (4)	Sudah/ belum kahwin (5)	Hubungan dengan Ketua rumah (6)	Jlh tahun tinggal di Kg. sekarang (7)	Pelajaran: Taraf tertinggi dicapai & medium eg. Std. VI(M),Std.VI(A)** (8)	Jlh tahun bersekolah (9)	Jika tiada di ranc. beri sebab- sebab. (10)
1.									
2.									
3.									
4.									
5.									
6.									
7.									
8.									
9.									
10.									
11.									
12.									
13.									
14									

Keluarga termasuk anak yang tinggal di luar ranc. dan saudara/org. lain yang menetap dalam r-tangga,

e.g. anak angkat, anak saudara dll.

M - Sek. Melayu; A - Sek. Arab; I - Sek. Inggeris.

1. Kampong Asal.

- a. Nama kampong asal: _____
- b. Jarak kampong dari rancangan: _____ km.
- c. Jarak kampong dari bandar: _____ km.
- d. Nama bandar terdekat: _____
- e. Saudara mara yang berada di kampong asal:

di kampong

Suami

Isteri

1. Ibu bapa yang berada

Ibu _____

2. Bapa ibu bapa yang berada

Bapa _____

3. Kakak/Abang

Adik _____

4. Emak/Bapa saudara

Emak/Bapa saudara _____

5. Datuk/Nenek

Datuk/Nenek _____

6. Lain-lain

*(Tandakan / pada yang berkenaan)

Dibeli secara
menutup/tutup

Misi
penuh

2. Kekerapan Pulang ke Kampong Asal

Suami*

Isteri*

Tidak pernah _____

Sekali setahun _____

Tiap2 bulan _____

Dua kali setahun _____

7. Lebih kerap

3. Sebab-sebab Balik

	<u>Di jauh sehari/singgu</u>	<u>Ramai setahun</u>	<u>Dalam/Luar Rancangan</u>
Hari raya	_____	_____	_____
Kenduri	_____	_____	_____
Sakit demam	_____	_____	_____

7.2 (Isteri)* Tulis 'kerja rumah' bagi isteri yang tak bekerja.

	Jlh jam se hari/minggu	Pendptn sebulan	dalam/luar ranc.
a. Jenis kerja Tetap			
b. Jenis kerja Sampingan			
Jumlah Besar			

8. (Suami sahaja)

8.1 Kenapakah anda merasakan perlu membuat kerja sampingan?

Susun mengikut kadar pertama, kedua dan ketiga.

a. Pendapatan dari kerja tetap tidak mencukupi _____

b. Isteri/suami/anak boleh buat kerja tetap _____

c. Jenis kerja tetap tidak menarik _____

d. Hasil dari kerja sampingan lebih lumayan _____

e. Lain-lain (nyatakan) _____

8.2 Adakah anda mempunyai pengalaman mengerjakan kerja sampingan sebelum ini. (Ya/Tidak)

8.3 Kalau 'Ya' berapa lamakah anda mengerjakannya: _____ (Tahun)

8.4 Apakah jenis kerja sampingan yang anda lakukan dahulu: _____.

9. (Isteri sahaja)

Nyatakan sebab-sebab anda perlu bekerja: _____.

10. (Suami sahaja)

Nyatakan sebab-sebab isteri anda perlu bekerja: _____.

11. Selain daripada pendapatan yang rendah, anda membuat alternatif yang bijak dengan membuat kerja sampingan. Apakah kemudahan2 yang menyebabkan anda suka kerja sampingan itu. (Ikut susunan)
- Ada kenderaan sendiri _____
 - Kerja mudah dan banyak tawaran _____
 - Pegawai2 tak ambil tahu _____
 - Tidak takut pada pihak atasan _____
 - Galakkan dari pihak Felda _____
12. Selain dari yang dinyatakan, adakah keluarga anda mendapat sumber pendapatan lain. e.g. dari anak yang sudah bekerja, sewa rumah di Kg. asal dll.

Sumber	Jumlah sebulan/setahun
i.	_____
ii.	_____
iii.	_____

PEKERJAAN SAMPINGAN.

13. Adakah kerja sampingan yang anda lakukan sekarang mempunyai kaitan dengan kerja sampingan yang anda lakukan di Kg. asal dulu. (Ya/Tidak).
14. Bagi kerja-kerja sampingan itu, adakah terdapat dari kerja-kerja ini yang disediakan oleh pihak Felda sendiri. Ya/Tidak.
15. Kalau 'Ya' apakah jenis-jenis kerja yang disediakan.
- _____
 - _____
 - _____

16. Adakah anda terlibat dalam mana-mana satu kerja yang tersebut di atas. Ya/Tidak.
17. Sudah berapa lamakah anda melibatkan diri dalam kerja itu:
_____ (Tahun).
18. Adakah pihak Felda memberikan sebarang kemudahan atau bantuan dalam menjalankan kerja ini. Ya/Tidak.
19. Apakah bentuk kemudahan/bantuan yang diberikan: i) _____
ii) _____
iii) _____
20. Bilakah **mulanya** pihak Felda memberikan bantuan tersebut:
_____ (Tahun).
21. Selain dari Felda, adakah lain-lain pihak atau syarikat yang menawarkan kerja-kerja sampingan ini. Ya/Tidak.
- 21.1 Dimanakah kerja itu dilakukan: Dalam/Luar rancangan
- 21.2 Apakah nama pihak/syarikat yang menawarkan kerja itu:
_____.
22. Bagaimanakah bermulanya anda menceburkan diri dalam kerja sampingan yang anda jalankan sekarang: _____.
23. Adakah kerja yang anda lakukan sekarang memerlukan modal. Ya/Tidak.
Kalau 'Ya' nyatakan:
- a. Dari manakah modal itu anda perolehi.
- i. Pinjaman _____
ii. Simpanan sendiri _____
- b. Kalau 'Pinjaman', dari siapakah anda meminjam.
- i. Bank: _____ (catitkan nama)

ii. Orang perseorangan: _____

iii. Lain-lain: _____

c. Berapa banyakkah anda selalunya dibenarkan meminjam: _____ \$

d. Adakah cagaran yang dikenakan semasa hendak memohon pinjaman itu. Ya/Tidak

e. Kalau 'Ya', apakah bentuk cagaran yang dikenakan itu.

e.g. geran tanah dll.

Jenis cagaran: _____

f. Berapakah faedah yang dikenakan setahun: _____ (\$/%)

g. Berapakah peruntukan modal untuk memulakan kerja itu: \$ _____

h. Kalau modal itu dikeluarkan dari simpanan sendiri, berapakah jumlah simpanan anda sekarang: \$ _____.

24. Pada pendapat anda, adalah terdapat sebarang masalah dalam melakukan kerja sampingan. Ada/Tiada.

25. Apakah pilihan yang anda buat bila menghadapi masalah dalam kerja sampingan.

a. Berhenti

b. Membahagikan masa yang tertentu

c. Mengupah orang lain

d. Lain-lain: _____

26. Selain dari kerja sampingan yang anda lakukan sekarang, adakah pernah anda melakukan kerja sampingan yang lain sebelumnya.

Ya/Tidak.

26.1 Kalau 'Ya', nyatakan kerja/jenisnya:

JUN

JULY

- i. _____
 - ii. _____
 - iii. _____

Penglibatan isteri dalam kerja-kerja ladang.

27. Nyatakan jenis, tempuh masa dan jumlah jam sehari, minggu dan bulan.

<u>Jenis kerja</u>	<u>Tempuh Masa (pagi/ptg)</u>	<u>Hari</u>	<u>Minggu</u>	<u>Bulan</u>
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

28. Siapakah yang membantu kerja rumah semasa membuat kerja di ladang.

e.g. siapa jaga anak kecul dsb?

Pembantu ialah:

29. Kalau isteri tidak terlibat dalam kerja ladang, nyatakan sebabnya.

Sebab-sebab: *sebab-sebab* yang terdapat pada pasal-pasal dalam Surah Al-Anbiya

30. Nyatakan bulan2 manakah yang anda biasanya paling sibuk dengan

kerja ladang.

Bulan	Jenis kerja		Paling sibuk		sederhana		Tak banyak/Tak ada kerja	
	S	I	S	I	S	I	S	I
Ogos								
Sept								
Okt								
Nov								
Dis								

31. Tanggapan tiap-tiap ahli keluarga tentang kerja sampingan itu.

Suami : _____

Isteri: _____

32. Apakah tanggapan anda tentang tenaga wanita dan keluarga dalam kerja sampingan itu.

Penting/Tidak Penting

33. Jika Sebab-sebab: _____.

33. Bagaimanakah pendapat anda tentang pencapaian dalam kerja sampingan yang anda lakukan sekarang.

34. i. Sangat memuaskan

ii. Memuaskan

iii. Tidak Memuaskan

iv. Lain-lain.

34. Adakah anda pernah melakukan kerja-kerja sampingan ini dengan

tujuan semata-mata untuk membeli barang-barang mewah selain dari memenuhi masa luang anda.

Ya/Tidak,

1. Untuk beli barang mewah

2. Tidak ada buatan air dan listrik

35. Pengerjaan Tanah dalam rancangan. (Bagi mereka yang terlibat dengan kerja sampingan.)

Saiz tanah (ekar/Ha)	Jenis tanaman	Pengerja tanah e.g. anak, isteri, penyewa

Sikap terhadap pendapatan persendirian.

36. Adakah pendapatan anda sekarang jika dibandingkan dengan pendapatan dahulu. Lebih/sama/kurang.

Sebab-sebab: _____

37. Jika diberikan peluang menambah pendapatan anda di tempat lain, adakah anda: Sedia berpindah/Tidak

Sebab-sebabnya: _____

38. Jika diberikan peluang, adakah anda memilih pekerjaan yang bergaji tetap: Ya/Tidak

Sebab-sebab: _____

39. Apakah sebab anda masuk menyertai rancangan tanah ini?
(ikut susunan) 1. Hendak menambah pendapatan _____

2. Hendak memiliki tanah _____

3. Hendak menjadi petani mahir _____

4. Sebab-sebab lain. _____

40. Apakah masalah utama selepas anda menyertai rancangan penempatan semula ini. (ikut susunan 1, 2,)

1. Susah untuk keluar masuk _____

2. Tidak ada bekalan air dan elektrik _____

3. Kurang hiburan _____
4. Jauh dari saudara mara _____
5. Lain-lain _____
41. Bagaimanakah dengan keadaan lain-lain infrastruktur yang disediakan. e.g. sekolah, klinik dll.
- Sangat memuaskan
 - Memuaskan
 - Tidak memuaskan
- Sebabnya: _____

Pendapatan dan Perbelanjaan.

42. Pendapatan sekeluarga sebulan:

Jenis Pendapatan	Jumlah sebulan
Kerja Tetap	
Kerja sampingan	
Sumber2 lain. e.g. elauu ketua blok dll.	
Jumlah Besar	

43. Berapakah jumlah dari pendapatan kerja tetap di potong oleh pihak Felda. \$ _____ sebulan.
44. Berapakah pendapatan bersih yang anda terima sebulan: \$ _____
45. Adakah anda mengambil berat atau mengetahui tentang potongan ke atas pendapatan anda setiap bulan. Ya/Tidak.
46. Adakah anda mendapat sebarang subsidi dari pihak Felda. Ada/Tiada
Berapa: \$ _____ sebulan.
47. Berapa pula daripada subsidi tersebut yang digunakan bagi keperluan dapur. \$ _____ sebulan.

48. Nyatakan kadar tanggongan anda sekarang: _____ orang.
49. Nyatakan jenis2 kadar perbelanjaan yang penting bagi rumah tangga anda.

Jenis	Kadar sebulan/tahun	%
1. Makanan		
2. Pakaian		
3. Pelajaran anak2		
4. Perkakas rumah		
5. Cukai		
6. Yuran-yuran		
7. Sumbangan pada keluarga		
8. Lain-lain (nyatakan)		

50. Kekerapan anda keluar dari rancangan untuk tujuan berbelanja.

Berapa kali: _____ (seminggu/bulan).

51. Anggapan terhadap keperluan barang-barang mewah.

Perlu/Tidak perlu.

Kenapa: _____

52. Nilai kasar bagi semua perbelanjaan untuk membeli barang-barang mewah. \$ _____.

Simpanan/Tabungan.

53. i) Adakah anda menyimpan wang dalam mana-mana bank. Ada/Tiada.

ii) Nama bank: _____

iii) Kalau ada, berapa jumlahnya sekarang: \$ _____

iv) Berapakah jumlah wang yang anda simpan pada tiap-tiap bulan:

\$ _____.

54. Untuk apa anda menyimpan wang: 1. _____

2. _____

3. _____

Hutang-piutang.

55. i) Adakah anda masih mempunyai hutang dengan mana-mana pihak lain selain daripada hutang dengan pihak Felda. e.g. bank, jiran dll. Ada/Tiada.
- ii) Berapakah jumlah hutang anda sekarang: \$ _____.
- iii) Berapakah jumlah sebulan yang anda bayar: \$ _____.

Kesan.

56. Berbanding dengan cara hidup anda dahulu dengan cara hidup anda kini, adakah ianya

- i. Lebih baik
ii. Memuaskan
iii. Tak memuaskan
- Sebab-sebab: _____

57. Sebelum memasuki rancangan, apakah jangkaan pendapatan yang anda harap dapat diperolehi dengan menyertai rancangan ini serta berapa pendapatan anda kini.

- i. Pendapatan yang dijangkakan: \$ _____
ii. Pendapatan anda kini: \$ _____

58. Bagaimanakah kedudukan pendapatan yang anda terima kini (tak termasuk dari kerja-kerja sampingan) sepanjang tahun.

- i. Banyak turun naik
ii. Turun naik
iii. Tidak turun naik _____

64. Adakah pegawai/penyelia Felda yang anda ada menghadiri kejayaan bertilam.
Ya/Tidak.

59. Andainya pendapatan yang anda perolehi turun naik, berapakah pendapatan yang diterima
- Paling tinggi: \$ _____
 - Paling rendah: \$ _____
60. Adakah pendapatan yang anda perolehi sekarang (termasuk dari kerja sampingan) mencukupi untuk membiayai perbelanjaan keluarga.
61. Apa i.
- Berlebihan
 - Cukup makan sahaja
 - Tak cukup.
62. Adakah kerja-kerja sampingan yang anda lakukan itu menjelaskan (tanda mana yang berkenaan). Ada Tidak
- Pekerjaan diladang
 - Tugas-tugas r/tangga
 - Perhubungan dengan Pegawai Felda
 - Perhubungan dengan jiran
 - Lain-lain (nyatakan)
63. Bagi menjamin kejayaan rancangan ini, pihak Felda mengadakan kawalan melalui peraturan-peraturan tertentu. Apakah pandangan anda terhadap pengawasan yang dibuat oleh pihak Felda yang ada kini.
- Terlalu ketat
 - Sederhana
 - Longgar.
64. Mengapa anda berkata demikian: _____
65. Adakah pegawai/penyelia Felda mengetahui yang anda ada membuat kerja sambilan. Ya/Tidak.

65. Adakah anda mendapat kebenaran dari pihak Felda sendiri.

Ya/Tidak

Sebab-sebab: _____

66. Kadang-kala akibat tumpuan yang berlebihan terhadap kerja sampingan menyebabkan anda lalai ke atas tugas ladang.

Benar/Tidak

67. Apakah reaksi anda bila pegawai yang bertugas menegur akan hal ini.

- i. Serta-merta membersihkan ladang
- ii. Menanggukannya
- iii. Anda lebih berminat mengerjakan kerja sampingan dahulu.

68. Adakah anda pernah dikenakan apa-apa denda atas kelalaian anda menjalankan kerja ladang? Ya/Tidak

69. Bentuk-bentuk denda:

- i. Amaran sahaja
- ii. Denda wang (\$ _____)
- iii. Ditahan barang kantin
- iv. Lain-lain (nyatakan): _____

70. Kekerapan anda menerima teguran/amaran.

Kekerapan

Bulan/Tahun

- i. Sekali
- ii. Dua kali
- iii. Tiga kali
- iv. Lebih kerap/acap

71. Kesan dari teguran serta amaran tersebut, adakah anda masih terus melakukan kerja-kerja sampingan itu?

71. Ya/Tidak _____

Sebab-sebab: _____

72. Apakah pandangan anda terhadap teguran tersebut.

i. Baik _____

73. Secara keseluruhannya, apakah anggapan anda terhadap kerja-kerja sampingan ini: _____

74. Apakah pandangan anda terhadap penyelia rancangan.

i. Baik _____ v. No Komen.

ii. Boleh bekerjasama

iii. Tak dapat bekerjasama

iv. Selalu berselisih faham

Mengapa: _____

75. Apakah pandangan anda terhadap Pengurus rancangan.

i. Baik _____ v. No Komen

ii. Boleh bekerjasama

iii. Tak boleh bekerjasama

iv. Selalu berselisih faham

79. Adakah anda mendapat peluang orang-orang lain dalam rancangan/blok ini.
Mengapa: _____

76. Adakah anda diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan di peringkat blok?

i. Berpeluang sepenuhnya

ii. Terhad

iii. Tidak berpeluang langsung.

iv. Tidak boleh dalam rancangan.

77. Pada fikiran anda, sejauhmanakah seharusnya peneroka-peneroka diberi peluang mengambil bahagian dalam membuat keputusan itu.

- i. Lebih lagi
- ii. Seperti sekarang
- iii. Kurangkan sedikit
- iv. Tidak perlu

78. Nyatakan kekerapan orang-orang ini membuat keputusan untuk anda selama anda tinggal di rancangan.

Jenis/Kategori orang	K e k e r a p a n					
	Selalu		kadang2		tak pernah	
	S	I	S	I	S	I
1. Pegawai Felda di rancangan						
2. Pegawai Felda Wilayah/Ibu Pejabat						
3. Ketua Blok						
4. Jiran						
5. Saudara di kampung asal						
6. Lain-lain						

79. Adakah anda kenal orang-orang lain dalam rancangan/blok ini.

- i. Kenal semua
- ii. Kenal sebilangan sahaja.

80. Bagaimana boleh kenal pada mulanya.

- i. Sama tempat tinggal
- ii. Sama tempat kerja
- iii. Jiran sekarang
- iv. Tinggal lama dalam rancangan.
- v. Melihat dari menyanyi satu pihak

81. Selalukah diadakan perjumpaan rasmi antara peserta-peserta rancangan.

Ada/Tiada

81.1 Jika ada, bila diadakan

- i. Setiap minggu
- ii. Dua kali seminggu
- iii. Sebulan sekali
- iv. Kurang dari sebulan sekali.

82. Anda tidak menghadiri perjumpaan-perjumpaan rasmi yang diadakan kerana anda terlalu sibuk dengan kerja-kerja ladang juga kerja sampingan. Setujukah anda dengan pendapat ini.

Setuju/Tidak setuju

83. Adakah anda pernah berselisih faham dengan orang-orang lain dalam rancangan ini.

Ada/Tiada

83.1 Kalau ada, mengapa:

- i. Soal peribadi
- ii. Soal rasmi.

84. Apakah anggapan anda terhadap jiran anda

- i. Baik
- ii. Tidak boleh bersahabat
- iii. Tidak peduli
- iv. Ikut bulu

85. Bagaimanakah pendirian anda sekiranya timbul perselisihan dalam hal-hal kepimpinan serta hal-ehwal rancangan.

- i. Melibatkan diri menyokong satu pihak
- ii. Lain-lain.

- ii. Bersimpati dengan satu-satu pihak tetapi tidak mencampuri terus-menerus.
- iii. Tidak peduli
- iv. Cuba menyelesaikannya.
86. Pandangan jiran anda bila mengetahui yang anda memperolehi pendapatan yang lebih darinya dari kerja sampingan.
- i. Biasa sahaja
 - ii. Iri hati
 - iii. Menjauhkan diri dari anda
 - iv. Cuba memburuk-burukkan diri anda.
87. Apakah pandangan anda pula terhadap diri mereka.
- i. Biasa sahaja
 - ii. Tidak memperdulikan mereka
 - iii. Merasa bangga kerana berpendapatan lebih tinggi
 - iv. Cuba bermesra dengan mereka dan mengajak supaya ikut serta bekerja sambilan.
88. Jika hari minggu anda tidak ke ladang atau tidak melakukan kerja sampingan, apakah biasanya yang anda lakukan waktu itu (pilih tiga sahaja).
- i. Tidur
 - ii. Berbual dengan anak isteri
 - iii. Berbual dengan kawan-kawan di kedai kopitiam
 - iv. Melihat kebun dan kawasan rumah
 - v. Membuat amal ibadat
 - vi. Berjalan-jalan ke bandar
 - vii. Lain-lain.

89. Apakah persatuan yang ada dalam rancangan ini.

- i. Politik _____
- ii. Perkumpulan wanita _____
- iii. Belia _____
- iv. Khairat kematian _____
- v. Kumpulan kutu _____
- vi. Lain-lain _____

90. Adakah anda menjadi ahli mana-mana persatuan tersebut. Ya/Tidak

91. Apakah anda memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana persatuan yang anda sertai. Ya/Tidak

92. Anda tidak menyertai mana-mana persatuan disebabkan terlalu sibuk dengan kerja (ladang atau sampingan). Setujukah anda dengan pendapat tersebut.

- i. Setuju _____
- ii. Kurang setuju _____
- iii. Tidak tahu _____

93. Dari segi keselesaan kerja, manakah pada fikiran anda lebih selesa di antara kerja ladang dengan kerja sampingan yang anda lakukan kini. Kerja ladang/kerja sampingan

94. Kalau dikira dari segi pendapatan, yang mana lebih tinggi? Kerja tetap/Kerja sampingan

95. Berapakah pula perbezaannya: \$ _____.

96. Bagi anda, kerja manakah yang lebih dominan buat waktu ini
Kerja tetap/Kerja sampingan